

Jilid I
Bil. 105



Hari Khamis
19hb Disember, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 16931]

USUL-USUL:

Akta Kastam 1967 [Ruangan 16965]

Akta Eksais 1976 [Ruangan 16974]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) [Ruangan 16977]

Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) [Ruangan 17020]

Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) [Ruangan
17032]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAKIROK, P.N.B.S. (Kanowil).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.U., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ MENTERI LUAR NEGERI, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang),
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, O.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI ENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.I.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., PPC. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHAUNGAM (Kapar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman),
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N, (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' AUAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun)
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S..S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
 DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
 TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

„ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
 „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
 TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
 TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
 TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
 TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
 PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
 DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
 TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
 TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Eelud).
 DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
 TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
 TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
 DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
 TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilain Puri).

„ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
 TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
 DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K.,
 K.M.N. (Kuala Kedah).
 DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
 TUAN MOHD, TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
 TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD, HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
 DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
 TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.,
 P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
 TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
 DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
 TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
 TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
 DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
 DATOK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
 TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAIHAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANC SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid. A.M.N.

BAHAGIANPENYATARASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 19hb Disember, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan
Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**
Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar.*(Soalan No.1 Y.B. Dato' Dr
Affifudin bin Haji Omar tidak hadir)*SEKOLAH RENDAH JENIS
KEBANGSAAN (C) MUN
CHOONG MUKIM BATU**2. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri
Pendidikan menyatakan:

- (a) kedudukan semasa permohonan SRJK(C) Mun Choong, Kampung Batu, Jalan Ipoh untuk membina semula sekolah mereka di atas tapak Lot 11068 P.T.6090 Mukim Batu; dan
- (b) jika Kerajaan masih enggan meluluskan permohonan Lembaga Sekolah, mengapakah Kementerian Pendidikan enggan menerima tanah alternatif di Lot 34776 di kawasan berhampiran. Apakah dasar Kerajaan mengenai isu ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr
Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-
Pertua, tapak di Lot 11068 P.T.6090

Mukim Batu adalah hakmilik Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan akan membina Sekolah Menengah Batu 5 di tapak tersebut untuk menampung keperluan yang mendesak bagi pelajar-pelajar di kawasan itu. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan tidak dapat mempertimbangkan permohonan SRJK(C) Mun Choong untuk membina bangunan sekolah mereka di tapak yang sama.

Namun demikian, sebahagian daripada tapak tanah Lot P.T.6090 boleh digunakan oleh SRJK(C) Mun Choong untuk membina dewannya, juga padang permainan yang akan dibina, boleh digunakan secara bersama oleh kedua-dua sekolah.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa sejak lebih 20 tahun lalu, pihak sekolah itu telah menimbus dan memperbaiki tanah tersebut. Kebetulannya itu adalah tanah lombong sahaja dan pihak sekolah telah menimbus dan memperbaiki kawasan tanah lombong itu supaya sekolah itu dapat menggunakan tanah tersebut. Kalau sedemikian, walaupun separuh dari tanah tersebut tidak dimiliki oleh sekolah itu, bolehkah Yang Berhormat membincangkan dengan pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan supaya mempertimbangkannya semula? Oleh kerana kita ada satu lot alternatif iaitu Lot 34776 untuk Maksud Sekolah, bolehkah Kementerian mengambil lot alternatif ini untuk membina sekolah menengahnya?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang peka tentang perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh SRJK(C) Mun Choong dan atas sebab itu, Kementerian Pendidikan membolehkan atau mengizinkan sekolah tersebut menggunakan sebahagian dari tanah Lot 6090 untuk membina dewannya dan juga padang yang akan dibina bolehlah digunakan secara bersama oleh kedua-dua sekolah.

Kemcnterian Pendidikan juga akan mengkaji semula tentang masalah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh sekolah tersebut supaya kita boleh dapat satu penyelesaian yang adil. Tentang lot alternatif itu, adalah didapati bahawa lot tersebut dari segi keseluruhannya tidak sesuai untuk digunakan oleh sekolah kerana lebih kurang 80% daripada lot tersebut adalah paya dan di atas lot tersebut juga ada lebih kurang 50 buah keluarga setingan. Jadi, atas masalah itu, kalau hendak digunakan untuk membina sekolah, akan menghadapi masalah.

PEGAWAI PERUBATAN DI SARAWAK—KEKURANGAN

3. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah kekurangan doktor dan pakar perubatan di Sarawak secara umumnya dan di Sibü khususnya dan apakah langkah segera yang akan diambil oleh Menteri Kesihatan untuk memperbaiki keadaan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, sehingga 1 September 1991 negeri Sarawak mempunyai 285 jawatan Pegawai Perubatan di mana 178 jawatan telah diisi iaitu 63%. Dengan itu kekurangan adalah 107 orang. Bagi kategori pakar pula terdapat 31 jawatan dan jumlah pakar yang ditempatkan di negeri Sarawak adalah 37 orang termasuk pakar kontrak.

Di Hospital Lau King Howe, Sibü khususnya sejumlah 44 jawatan Pegawai Perubatan telah diperuntukkan dan 24 jawatan daripadanya telah diisi. Daripada 8 jawatan pakar, 7 jawatan telah diisi. Sebagai langkah segera, Kementerian sedang meneruskan usaha mengambil pegawai-pegawai pakar bukan warganegara untuk berkhidmat secara kontrak.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada satu ketika dahulu, di Hospital Umum Kuching, iaitu pada tahun 1988/1989, hospital itu ada mempunyai seorang Pakar Sinar-X (tukang ambil gambar X-Ray). Jadi, kalau beliau sakit pening kepala ataupun bercuti, tidak ada bagi pakar pengganti beliau mengambil gambar X-ray. Bagaimanakah keadaan pada masa sekarang?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar dari soalan asal. (*Ketawa*) Soalan adalah mengenai Sibü dan Sarawak. Soalan mengenai Kuching adalah khusus. (*Ketawa*)

Tuan Wahab bin Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa terdapat pakar-pakar yang diambil itu adalah secara kontrak. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai satu insiden dua tiga tahun yang lepas di Hospital Sarikei, di mana seorang doktor dari luar negara telah diambil untuk bertugas di Hospital Sarikei. Yang amat memalukan adalah apabila seseorang itu sakit, kalau orang itu sakit kepala, dia beri Panadol; kalau sakit dada pun dia beri Panadol, sakit pinggang pun dia beri Panadol. Ada satu ketika, di mana seorang itu terlalu sangat sakit kepala, dia urut di kaki. Apakah hubungannya dari segi ilmu kedokteran di antara kaki dengan kepala?

Kedua, di dalam pemilihan ataupun pengambilan pakar-pakar dari luar negara ini, adakah dari segi pengalaman ataupun dari segi kelulusan menjadi kriteria yang diutamakan?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, satu jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat Kementerian untuk mememuduga pakar-pakar ini. Pakar-pakar ini dipilih setelah mereka lulus MBBS dan mempunyai kelayakan kepakaran dan mempunyai pengalaman lima tahun, baru mereka dilantik secara konirak. Berkenaan dengan Pegawai Perubatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sepatutnya beliau komplek dan buat laporan kepada MMC ataupun Kementerian secara bertulis. Ini kita soalkan ijazah yang dikeluarkan oleh sam kolej. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Datuk Haji Basri bin Bajuri.

(Soalan No.4 Y.B. Datuk Haji Basri bin Bajuri tidak hadir)

WANITA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA— PENGLIBATAN

5. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah program yang dirancang bagi mengurangkan ketidakseimbangan peranan lelaki dan wanita di kawasan luar bandar. Keadaan ini berlaku dengan pesatnya akibat perpindahan kaum lelaki ke bandar-bandar mengakibatkan hanya kaum wanita sahaja tinggal di luar bandar. Adalah diperhatikan bahawa akibat pemodenan aktiviti pertanian telah menjejaskan peranan wanita dalam sektor pertanian. Adakah terdapat teknologi alternatif sesuai diberikan kepada kaum wanita bagi mempertingkatkan penglibatan mereka dalam sektor pertanian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat adalah menyelaraskan usaha-usaha meningkatkan penglibatan wanita dalam pembangunan negara. Untuk memastikan bahawa kepentingan wanita diambil kira dalam penggubalan dasar dan pelaksanaan program pembangunan, Kementerian mengadakan program-program kesedaran bagi wanita sendiri dan para perancang, pembuat dasar dan pelaksana di Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan. Kaum wanita juga, khususnya di luar bandar, diberi latihan dalam bidang-bidang tertentu untuk menentukan bahawa mereka dapat melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi.

Pada keseluruhannya, proses pemodenan pertanian di negara ini telah berjaya meningkatkan produktiviti kaum petani termasuk lelaki dan wanita. Walau bagaimanapun, dalam penanaman secara besar-besaran, mungkin peranan wanita telah berkurangan kerana penggunaan jentera secara besar-besaran yang telah mengambilalih kerja-kerja yang dahulunya dilaksanakan secara manual. Sebagai contohnya, dalam penanaman padi secara besar-besaran, kerja-kerja mengubah dan menuai yang menjadi tugas tradisional wanita telah diambilalih oleh jentera moden. Industri-industri kecil berasaskan pertanian dan tanaman-tanaman bermutu tinggi seperti bunga-bunga merupakan alternatif yang lumayan yang boleh diceburi oleh wanita yang terlibat dalam pertanian.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau Sarawak boleh diambil menjadi satu kesimpulan, oleh kerana kadar kesejahteraan hidup ataupun standard of

living di luar negeri telah meningkat naik dan bertambah baik, jadi pekerjaan-pekerjaan itu terletak kepada si suatni sahaja dan si isteri mengambil tugas yang lain iaitu mendidik dan membelai anak. Sebagaimana yang telah disebutkan tadi, oleh kerana mechanisation pertanian, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian supaya gunatenaga sumber manusia dari kalangan wanita ini tidak terbuang begitu sahaja?

Kedua, kenapakah kalau ada seminar-seminar, lawatan, pendidikan ataupun latihan yang diberi tertumpu kepada pihak lelaki sahaja?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan pertama, saya telah jawab iaitu ada alternatif dan kita memberikan latihan dan sebagainya kepada pihak wanita. Walaupun terdapat perubahan dalam kehidupan di luar bandar, tetapi kita ada banyak program melalui Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan lain di dalam Kerajaan di mana kita menggalakkan penglibatan wanita dalam semua usaha pembangunan ekonomi kita.

PETANI MISKIN MENYEWAKAN SAWAH

6. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah Menteri Pertanian sedar bahawa banyak terdapat sawah padi yang dipunyai oleh petani yang miskin dan tidak lerdaya mengerjakan sawah mereka telah menyewakan sawah-sawah mereka kepada orang yang berada yang bukannya dari golongan petani; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk membatalkan atau memberhentikan bayaran kupon subsidi padi kepada petani-petani yang menyewakan sawah mereka.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam); Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pertanian memang menyedari tentang hakikat bahawa ada terdapat pemilik sawah yang menyewakan tanah sawah mereka kepada pihak-pihak lain kerana sebab-sebab tertentu. Walau bagaimanapun, data dan maklumat mengenai petani yang tidak berupaya mengusahakan sawah menyewakan kepada orang lain, buat masa ini tidak diperolehi. Sebagai contoh, di kawasan MADA didapati bilang pengusaha yang mengusahakan sawah yang luas atau pengusaha besar telah meningkat melalui cara memajak dari pelani-petani yang tidak lagi berminat mengusahakan sawah mereka kerana faktor usia, kesihatan atau tidak ada ahli keluarga yang mahu meneruskan kerja-kerja sawah. Walau bagaimanapun pengusaha-pengusaha tersebut mempunyai latar-belakang pertanian dan kebanyakan mereka sebelum ini adalah petani kecil atau sederhana.

Memandangkan tanah sawah adalah tanah milik petani, maka terpulang kepada petani-petani untuk menentukan hak mengusaha tanah tersebut, sama ada mengusahakan sendiri, menyewa atau memajak kepada orang lain. Kementerian berpendapat tindakan petani-petani miskin yang tidak berupaya mengusahakan sawah menyewa sawah mereka kepada orang lain adalah wajar, sekiranya ganjaran yang diterima daripada sawah sewaan itu adalah berpatutan dan mereka mempunyai peluang pekerjaan yang lebih baik di

luar sektor padi. Langkah ini sebenarnya adalah positif kerana ianya membolehkan petani berkenaan meninggalkan bidang penanaman padi secara kecil-kecilan yang kurang menguntungkan dan berpeluang untuk memperbaiki taraf hidup dengan beralih ke sektor lain yang lebih berdaya maju.

Dengan menyewakan kepada orang lain bermakna sawah berkenaan tidak ditinggalkan lerbiai dan ini membantu menjamin kestabilan pengeluaran padi dan beras negara. Adalah menjadi strategi Kementerian menggalakkan penanaman diusahakan dengan lebih moden dan cekap melalui perusahaan secara berkelompok dan mini estet di mana faedah ekonomi bidangan dapat diperolehi oleh pengusahanya.

- (b) Subsidi harga padi adalah diberi kepada petani yang mengusahakan sawah dan menjualkan padinya. Takrif mengusahakan sawah bererti mereka yang mengusahakan sawah milik sendiri atau menyewa dari orang lain atau yang mengupahkan orang mengerjakan tanah sawah miliknya. Kementerian menyedari perkara ini dan Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan pembayaran subsidi kepada mereka yang menyewa tanah orang lain. Langkah ini adalah sebagai menggalakkan petani memulihkan tanah sawah terbiai secara sewaan dan secara langsung akan memberi faedah dalam usaha meningkatkan pengeluaran padi negara.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Pertanian atau Kerajaan pernah

menimbang untuk melaksanakan reformasi tanah supaya petani-petani di sawah padi boleh memiliki dan mengerjakan tanah-tanah padi dengan saiz yang berekonomik (economic holdings) dan apakah hasil pertimbangan ini kalau ada satu kajian?

Dato' S. Subramaniam: Saya minta soalan diulang.

Tuan Lim Kit Siang: Sama ada Kerajaan pernah menimbang untuk mengadakan reformasi tanah supaya petani-petani di sawah padi boleh memiliki dan mengerjakan tanah yang berekonomi atau economic holdings, dan kalau pernah mengadakan kajian ini, apakah hasil dan keputusan Kerajaan.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat - secara reformasi kita tidak ada cadangan, tetapi kita melaksanakan beberapa langkah untuk petani-petani meluaskan kawasan bukan di luar kawasan jelapang padi tetapi di dalam kawasan jelapang padi, khasnya mereka yang mempunyai sawah yang kecil untuk meluaskannya dengan perkongsian atau berkelompok untuk menjadikan usaha mereka lebih membawa faedah dari segi pendapatan dan dengan ini meninggikan taraf hidup mereka.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, di kalangan mereka yang berada dan menyewakan sawah padi kepada golongan petani miskin, ada terdapat sesetengah pihak untuk mendapat kupon subsidi. Apakah Yang Berhormat sedar terdapat penyelewengan di kalangan tuan punya tanah alaupun orang yang menyewakan tanah ini untuk mendapatkan kupon subsidi. Saya ingin bertanya apakah usaha Kerajaan ataupun Kerajaan sedar tentang berlakunya penyelewengan seumpama ini dan kalau sedar

bagaimanakah usaha untuk membanteras mereka yang mengambil kesempatan ke atas petani-petani dan kalau perkara ini selesai dan dapat dibanteras, apakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan bantuan kupon subsidi padi ini ke tahap yang lebih tinggi bagi memberi pcrangasng kepada petani-petani yang benar-benar tulen, terutamanya dari segi memberi perangsang supaya produktiviti mereka lebih meningkat daripada sekarang?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ada 4 bahagian soalan di dalam soalan tambahan itu. Walau bagaimanapun, saya akan cubalah menjawab. Tentang mereka yang diberi kupon subsidi, mengikut peraturan yang sedia ada, kita fikir penyelewengan yang boleh berlaku mungkin begitu kurang atau tidak begitu banyak laporan-laporan yang kita terima. Walau bagaimanapun, saya telah menerangkan bahawa di bawah sistem yang ada kita memberi subsidi kupon kepada mereka yang mengusahakan tanahnya. Mengikut peraturan, hanya mereka yang mengusahakan sawah sahaja yang boleh menerima kupon dan lain-lain pihak, katalah tuan punya tanah itu kalau tidak mengusahakan tanah, maka tidak boleh mendapat kupon. Walau bagaimanapun, kita akan menentukan bahawa monitoring kita tentang penyelewengan itu akan dikedatkan pada masa akan datang.

Tentang kenaikan subsidi itu, buat masa sekarang tidak ada cadangan oleh kerana baru-baru ini pada awal tahun 1990, subsidi telah dinaikkan sebanyak 50%. Sebelum itu cuma \$10.00 sepikul, tetapi selepas 50% kenaikan berkuatkuasa mulai 1 Jun 1990, ini telah menerima sambutan yang baik daripada petani-petani, iaitu mereka mendapat \$15.00 sepikul atau \$24.80 untuk 100 kilo bersih padi. Maka kita tidak ada cadangan untuk menambahkannya buat masa sekarang.

Tuan Abdul Malek Munip: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin merujuk kepada masalah petani dan pengeluaran padi, iaitu memandangkan hakikat bahawa pendapatan daripada padi tidak begitu menguntungkan berbanding dengan sesetengah akernatif lain, dan memandangkan kenaikan harga makanan pada amnya dikatakan faktor utama yang mengakibatkan inflasi negara, maka jika ada, apakah dasar padi ataupun, dengan izin, Padi Policy, yang dianuti oleh Kementerian, terutama dalam polisi am Kerajaan mengenai pemakanan di negara kita ini.

Kedua, saya ingin merujuk kepada masalah subsidi. Saya ingin bertanya bolehkah istilah "subsidi" itu diganti dengan istilah lain, katalah istilah "baja bantu" atau "bantu tani". Orang mungkin berhujah, dengan izin, we must respect any name tetapi masalahnya di negara kita istilah "subsidi" itu kadang-kadang dieksploitasikan hingga menghina dan mengaibkan petani-petani kita. Umpamanya, dengan istilah "subsidy mentality", seolah-olah kita menunjukkan bahawa petani kita itu tahu minta sahaja, tidak ada usaha, tidak ada kegigihan dan sebagainya, pada hal di negara maju....

Beberapa Ahli: Soalan, soalan!

Tuan Abdul Malek Munip: Jadi, soalan saya, bolehkah ia digantikan? (*Ketawa*) Kalau tidak ada penjelasan, barangkali soalan ini tidak jelas.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Soalan dan penjelasan itu jelas mencukupi untuk difahami. Tentang subsidy mentality memang Kementerian dan Kerajaan berhasrat untuk menukarkan sikap petani-petani dalam negara kita. Jadi dalam bidang pertanian yang lain

daripada sawah, kita tidak menggalakkan sistem subsidi ataupun subsidy mentality. Walau bagaimanapun, dalam bidang beras, ini adalah satu barangan keperluan negara dan kita ada dasar untuk mengeluarkan 65% pengeluaran padi daripada keperluan negara dan oleh kerana itu kita perlu menggalakan mereka yang terlibat dalam bidang ini.

Buat masa sekarang, beras masih merupakan satu basic commodity atau staple diet, dengan izin, bagi rakyat kita dan oleh kerana itu kita sedang berusaha untuk menukarkan rakyat dari segi pemakanan. Kita menggalakkan mereka memakan nasi yang kurang ataupun diganti dengan makanan-makanan lain selain daripada nasi. Maka buat masa sekarang, untuk memenuhi hasrat kita untuk mengeluarkan sebanyak 65% keperluan beras negara, skim subsidi perlu dijalankan.

Kita sedar bahawa pendapatan petani-petani yang mengusahakan sawah padi adalah tidak begitu memuaskan. Oleh kerana itu kita masih melakukan beberapa usaha dan tindakan untuk meninggikan pendapatan dan dalam pada itu subsidi adalah sebahagian daripada itu. Selain daripada itu, kita juga menggalakkan mereka menukar kepada tanaman-tanaman lain yang membawa pendapatan yang lebih kepada petani-petani ini. Tentang polisi padi saya telahpun menjelaskan bahawa buat masa sekarang Kerajaan perlu mengeluarkan lebih kurang 65% daripada keperluan negara dan sehingga beras menjadi staple diet bagi rakyat kita, dasar ini akan diteruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Joseph Voon,

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Joseph Voon tidak hadir)

HUTANG KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN

8. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Kewangan menyatakan sehingga hari ini, berapa banyakkah agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan berkanun telah berhutang terhadap Kerajaan Persekutuan dan apakah usaha yang telah diambil untuk memperolehi kembali pinjaman-pinjaman ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 71 agensi Kerajaan dan badan-badan berkanun dan juga kesemua Kerajaan Negeri berhutang dengan Kerajaan Persekutuan. Pinjaman yang telah dikeluarkan kepada agensi-agensi tersebut sehingga 30hb Jun 1991 berjumlah \$24.67 billion. Pada tahun 1990, sebanyak \$3,980.84 juta yang terbahagi kepada pokok sebanyak \$3,217.01 juta dan faedah sebanyak \$763.83 juta telah dibayar balik, manakala dari Januari hingga Oktober 1991, bayaran balik berjumlah \$819.96 juta. Perbezaan besar ini berlaku kerana terdapat pembayaran balik awal sebanyak \$2 bilion oleh Telekom Malaysia Berhad apabila ianya diswastakan melalui penyenaian di Bursa Saham Kuala Lumpur dahulu. Sehingga 30hb Jun 1991, tunggakan bayaran balik adalah berjumlah \$3,001.79 juta dengan pecahan seperti berikut:

(1) Kerajaan Negeri	\$ 1,549.68 juta
(2) Badan-badan Beikanun	\$ 1,261.60 juta
(3) Pihak Berkuasa Tempatan	\$ 160.83 juta
(4) Syarikat-syarikat	\$ 20.02 juta
(5) Koperasi	\$ 9.56 juta

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun melaksanakan berbagai tindakan untuk memperolehi kembali bayaran

pinjaman dan tunggakan. Antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah:

- (i) menghantar penyata lengkap mengenai kedudukan pinjaman setiap enam bulan sekali untuk pengesahan Kerajaan Negeri/badan berkanun;
- (ii) menghantar surat-surat peringatan sebulan sebelum tarikh ansuran pinjaman-pinjaman berkenaan perlu dibayar balik;
- (iii) menghantar notis dengan meminta tunggakan dijelaskan;
- (iv) menggalakkan agensi-agensi Kerajaan ataupun badan-badan berkanun yang mempunyai lebih wang yang tinggi membuat bayaran balik awal ke atas pinjaman-pinjaman Kerajaan Persekutuan;
- (v) mengadakan perbincangan dan rundingan untuk mendapatkan kembali tunggakan bayaran balik pinjaman;
- (vi) menjadual semula pinjaman sekiranya benar-benar diperlukan oleh agensi-agensi Kerajaan ataupun badan-badan berkanun;
- (vii) mengetatkan lagi kelulusan dan pengeluaran pinjaman-pinjaman baru; dan yang akhir sekali
- (viii) sebagai langkah terakhir, tindakan undang-undang melalui proses mahkamah akan diambil.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita dengar Kerajaan Kelantan memohon kepada Kerajaan Pusat supaya diubah sejumlah pinjaman yang diberi kepada Kerajaan Negeri itu menjadi geran supaya dia tak payah bayar balik. Soalan saya, yang pertama ialah apakah pada pandangan

dan pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kedudukan kewangan Kerajaan Kelantan di bawah kepimpinan PAS sudah begitu teruk sehingga terpaksa minta kelonggaran daripada Kerajaan Pusat begitu rupa?

Soalan kedua, adakah negeri-negeri lain ada buat permohonan macam ini dan kalau ada negeri mana lagi yang ada minta? Bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan bahawa Kerajaan Pusat tidak akan memberi layanan kepada permintaan Kerajaan PAS ini sebab dalam pilihanraya umum yang lalu mereka terlampau bercakap besar bahawa mereka boleh perintah negeri Kelantan dengan tidak payah menerima bantuan daripada Kerajaan Pusat.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan tambahan yang ditanyakan tadi. Semua Kerajaan Negeri di dalam negara kita ini haruslah menjalankan pengendalian kewangan mereka dengan teliti. Jadi, pada pengetahuan saya Kerajaan Negeri Kelantan itu sejak Kerajaan Negeri itu jatuh ke dalam tangan PAS, mereka tidak dapat mengendalikan ekonomi negeri mereka itu dengan baik. Walau bagaimanapun, kita menghormatilah hasrat rakyat dan pada Kerajaan Persekutuan, kita ingin bekerjasama dengan rakyat di dalam negeri Kelantan dan apa permintaan mereka untuk kelonggaran supaya pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan untuk negeri Kelantan ditukar sebagai geran tidak akan dilayan oleh Kerajaan Persekutuan, oleh kerana bukan kerana kita hendak ambil tindakan apa-apa kepada negeri Kelantan tetapi kita haruslah adil kepada semua negeri di dalam negara kita ini. Jadi, itulah jawapan Kementerian Kewangan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertamanya, Kementerian Kewangan

sering menekankan kepada bank-bank supaya tidak mengambil tindakan undang-undang kepada peminjam-peminjam tetap sebaliknya menambahkan pinjaman untuk membolehkan dia berkembang dengan lebih baik. Jadi, adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan pinjaman kepada negeri-negeri yang banyak hutang oleh kerana dengan cara itu sahaja hutang itu boleh dibayar balik. Ini dari segi yang kita tegur kepada pihak bank.

Soalan yang kedua, saya tertarik hati tentang jawapan Yang Berhormat yang panjang iaitu jawapan nombor (viii) mengenai tindakan undang-undang yang akan diambil. Berapakah Kerajaan Negeri yang telah diambil tindakan undang-undang serta juga badan-badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan yang lain yang meminjam? Adakah ini sebagai syarat biasa ataupun adakah pernah manamana badan berkanun atau agensi yang dibawa ke mahkamah melalui jawapan perkara (viii) tadi?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, negeri-negeri yang berhutang banyak kepada Kerajaan Persekutuan akan diminta supaya mereka membayar balik semua hutang itu dan pihak Kerajaan Persekutuan kena mengkaji case by case, dengan izin, dan bagi negeri-negeri yang mana mereka benar-benar tidak dapat memulang balik pinjaman dan benar-benar kita harus memberi pertolongan yang selanjutnya, Kerajaan Persekutuan akan menimbang. Tetapi nampaknya pada ketika ini, Kerajaan Persekutuan tidak dapat menambah pinjaman-pinjaman dengan sesuka hati oleh kerana apa yang terhutang kepada Kerajaan Persekutuan adalah begitu besar.

Mengenai dengan tindakan undang-undang yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf oleh kerana

saya tidak mempunyai senarai pada tangan saya sekarang. Saya akan jawab secara bertulis.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu antara bilangan agensi-agensi yang berhutang kepada Kerajaan Pusat, berapakah yang disebabkan oleh penyalah urusan? Dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggantikan atau memecatkan pengurus-pengurus yang prestasinya tidak memuaskan? Kedua, berapakah agensi-agensi yang berhutang ini disebabkan oleh penglibatan pengurus-pengurus dalam criminal breach of trust?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana saya tidak mempunyai maklumat ini. Kementerian akan menjawab secara bertulis.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan yang pertama, apakah dasar pinjaman Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri-negeri di Malaysia ini? Yang kedua, dari sejumlah \$1 bilion lebih pinjaman Kerajaan Pusat kepada Negeri-negeri, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan berapakah pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada negeri-negeri di Malaysia ini—misalnya Kelantan berapa, Terengganu berapa dan Pulau Pinang berapa. Sehingga ini macam di Kelantan, Kerajaan Negeri Kelantan dalam masa setahun ini telahpun menjelaskan hutangnya sebanyak kurang lebih \$20 juta kepada Kerajaan Pusat. Bagaimana Kerajaan-kerajaan Negeri lain?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, selain dari basic grant, dengan izin, yang Kerajaan Persekutuan beri kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan pun memberi pinjaman-pinjaman sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Pinjaman-pinjaman itu adalah untuk membangunkan atau untuk projek-projek pembangunan masing-masing di setiap negeri. Jadi saya tidak dapat menyebut dasar-dasar yang mana Kerajaan beri pinjaman.

Untuk menjawab soalan tambahan yang kedua, saya minta supaya....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tumpat, dia belum habis menjawab.

Seorang Ahli: Biar Timbalan Menteri jawab dahululah.

Dato' Loke Yuen Yow: Bagi saya menjawab dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tumpat, beri dia jawab dulu.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan bahagian yang kedua, saya anggap bahawa jawapan itu memerlukan penjelasan yang panjang sedikit, yang mana hutang, yang mana tidak dan berapa jumlahnya. Jadi saya minta maaf, saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah, cukup. Sudah empat soalan tambahan. Yang Berhormat....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, jawapan tadi tidak bertepatan kepada soalan saya iaitu apakah dasar Kerajaan Pusat untuk memberi pinjaman kepada

Kerajaan-kerajaan Negeri. Saya rasa sebagai seorang Timbalan Menteri tidak seharusnya memberi jawapan "saya tidak tahu" dalam persoalan ini, sebab beliau adalah yang bertanggungjawab. Kita tanya ini bukan tanya di kawasan pilihanraya, bukan tanya di luar daripada Parlimen ini. Yang kita tanya di dalam Parlimen. Ini bukan main-main, ini serius. (*Disampuk*)

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya pun bukan main-main, tetapi ianya serius juga. (*Ketawa*) Jadi perkara itu, saya telah jawab tadi.

KAD PENGENALAN BARU—PROSES PERMOHONAN

9. Tuan Jason Wong Sing Nang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) tempoh masa yang diperlukan untuk memproses kad pengenalan baru;
- (b) sama ada Kementerian sedar bahawa ramai pemegang pasport tidak dapat membaharui pasport mereka kerana pada hakikatnya kad pengenalan mereka sedang dalam proses; dan
- (c) kalau ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini sedangkan memproses kad pengenalan baru mengambil masa bertahun-tahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tempoh memproses bagi permohonan baru adalah bergantung kepada lengkapnya maklumat yang diberikan. Kalau semuanya lengkap, ianya boleh disiapkan dalam masa kira-kira tiga bulan.

- (b) Pemegang pasport tidak menghadapi masalah untuk membaharui pasport sekiranya dokumen pengenalan sementara disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara telah mewujudkan prosedur untuk menyelaraskan tindakan antara kedua-dua Jabatan berkenaan demi mengelak kelewatan mengeluarkan pasport.
- (c) Dengan adanya prosedur ini masalah membaharui pasport tidak seharusnya timbul. Di samping itu setiap usaha akan diambil untuk mempercepatkan pengeluaran kad pengenalan baru.

Dato' Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya yang pertama, bagi mempercepatkan pemegang-pemegang kad pengenalan lama untuk menukar kepada kad pengenalan baru, dan bagi orang-orang baru untuk membuat kad pengenalan, adakah Kerajaan bercadang untuk membuat operasi seluruh negara terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar yang keseluruhannya mereka ini tinggal berjauhan dari Pejabat Pendaftaran.

Yang kedua, setakat ini berapa banyakkah kad pengenalan baru yang telah dikeluarkan di seluruh negara.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kedua-dua soalan ini pernah saya jawab di Dewan ini. Walau bagaimanapun, saya hendak ulangkan sekali lagi, iaitu Jabatan Pendaftaran Negara memang ada rancangan untuk mengadakan operasi di seluruh negara tetapi bukan untuk sekarang, sebab kita ada masa. Dalam tempoh 6 tahun ini, setiap Jabatan Pendaftaran Cawangan/Negeri telah diberi satu target atau satu kuota di

mana mereka mesti capai seberapa banyak kad pengcnalan yang dapat diproses atau dapat diterima supaya kita boleh habis untuk melengkapkan permohonan sebanyak 12 juta menjelang tempoh 6 tahun. Jadi apabila target mereka itu sudah kurang, jadi terpaksa mereka pergi ke tempat-tempat lain termasuk ke luar bandar untuk adakan operasi perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat. Ini adalah satu perkara yang telah sedia ada dalam rancangan.

Untuk soalan bahagian kedua, semalam telah saya jawab iaitu walaupun sebanyak 700,000 kad pengcnalan baru telah diserahkan kepada pihak yang memohon, dan lebih 800,000 kad telahpun siap.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya merujuk kepada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa masa yang diperlukan untuk memproses kad pengenalan baru adalah bergantung kepada kelengkapan maklumat yang diberikan oleh si-pemohon. Di sini saya hendak bertanya adakah beliau sedar bahawa borang permohonan memerlukan banyak maklumat, dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memudahkan borang permohonan tersebut supaya rakyat dapat mengisi borang tersebut dengan senang, khususnya mereka yang kurang fasih dalam Bahasa Malaysia. Adakah beliau sedar bahawa Presiden Gerakan iaitu Yang Berhormat dari Beruas telah mengumumkan bahawa Parti Gerakan akan meminta supaya borang tersebut dipermudahkan iaitu lebih kurng 50 ruang yang perlu diisikan dikurangkan kepada separuh. Adakah permohonan oleh Yang Berhormat dari Beruas iaitu Presiden Gerakan itu diterima oleh pihak Kementerian?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang pertama. Walaupun borang permohonan itu

mempunyai banyak ruang untuk diisi tetapi bukan semestinya setiap orang pemohon itu kena isi semua. Isi sahaja apa yang diketahui, apa yang perlu dan apa yang berkenaan. Itu memang sudah jelas dalam borang tersebut yang lengkap dengan semua catatan. Untuk mereka yang kurang fasih dalam Bahasa Malaysia atau mereka yang tidak dapat faham tentang apa yang dikehendaki dalam borang itu, bagaimana kita memudahkan pun, kalau lidak fasih, masih tidak fasih. Jadi saya rasa kalau mereka tidak tahu maklumat yang penting itu, maka ini sudah jadi tanggungjawab Wakil Rakyat untuk menolong mereka. (*Tepuk*) Saya rasa Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional semua sudah sedia dengan dia punya machinery. (*Tepuk*) Saya harap DAP pun buatlah demikian.

Mengenai soalan yang kedua, saya memang hairan bagaimana terutamanya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, setiap kali dia tanya soalan di sini, dia selalu tanya bagi pihak MCA, bagi pihak Gerakan dan dengan apa-apa soalan yang mereka tanya itu dialah yang sibuk sangat! Itu saya tidak faham. Tetapi saya beri jawapan. Bila Presiden Gerakan meminta Kementerian, itu merupakan tanggungjawabnya sebagai Wakil Rakyat. Kementerian Dalam Negeri telah meneliti apa yang diminta itu dan kita juga sentiasa memberi penerangan kepada mereka yang memberi cadangan. Saya rasa dengan penerangan yang saya beri tadi itu semua parti-parti komponen dalam Barisan Nasional sudah bersetuju itu adalah satu borang yang mana kita benar-benar hendak memastikan supaya tidak ada mana-mana pihak yang dengan mudah sangat mendapatkan kad pengenalan kita walaupun seseorang itu mungkin seorang pendatang haram. Jadi itulah dari segi keselamatan negara, kita kena berhati-hati.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan penukaran kad pengenalan baru ini, saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Dalam Negeri apakah jaminan bahawa ciri-ciri kad pengenalan baru ini tidak dapat ataupun sukar untuk dipalsukan seperti kad itu akan jadi double ataupun dua kepada seorang pemilik, ataupun dengan perkataan lain, dipalsukan dari segi penukaran kad pengenalan lama yang ada pada ketika ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kad pengenalan yang baru ini tlahpun diberi nama kad pengenalan bermutu tinggi iaitu dari segi ciri-ciri keselamatannya. Jadi, oleh sebab kad ini tlahpun dibuat secara komputer ataupun diproses melalui sistem komputer maka ianya susah untuk dipalsukan ataupun terdapat dua salinan untuk dikeluarkan sebab saya rasa semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum komputer itu tidak mungkin terirna duplicate atau untuk dikeluarkan dua. Kalau kita buat secara manual, itu mungkin. Kalau untuk kad plastik mengikut sistem lama, itu mungkin sebab manusia ini selalu buat kesilapan. Tetapi kalau kita gunakan komputer dengan sistem yang selalu double check, saya rasa itu adalah satu sistem yang lebih tepat dan lebih senang untuk mengawasi kepalsuan. Maka saya masih yakin sistem kad pengenalan bermutu tinggi ini akan dapat dikekalkan untuk satu tempoh yang cukup panjang sebelum mana-mana pihak boleh mengeluarkan satu sistem untuk memalsukannya.

PESAWAT JET TENTERA UDARA SINGAPURA TERHEMPAS DI JOHOR

10. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pertahanan memberi laporan sepenuhnya di atas kemalangan jet tentera udara Singapura di Johor baru-baru ini.

Adakah Kerajaan bercadang untuk menuntut ganti rugi di atas kerosakan harta benda yang dialami akibat nahas tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, pesawat yang terhempas di Johor baru-baru ini adalah pesawat yang hendak berlepas menuju ke tempat latihan. Kejadian seperti ini adalah di luar kawalan yang tidak dapat dielakkan. Seperti yang kita sedia maklum bahawa pesawat udara apabila diterbangkan terpaksa menghadapi beberapa risiko termasuk kerosakan enjin, kesilapan juruterbang dan juga cuaca buruk.

Mengenai tuntutan ganti rugi, dimaklumkan bahawa pihak berkuasa Singapura telahpun membayar ganti-rugi dan pampasan kepada mereka yang terlibat di dalam kemalangan tersebut.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu lingkungan ruang udara ataupun parameters yang dibenarkan oleh pihak Kerajaan untuk kegunaan latihan jet tentera udara Singapura kerana saya difahamkan bahawa kawasan Pasir Gudang bukan di dalam kawasan lingkungan ruang udara yang dibenarkan.

Yang keduanya, apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan sekiranya tentera udara Singapura ingin mengadakan latihan ataupun penerbangan di atas ruang udara Malaysia?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ruang udara latihan yang telah kita persetujui antara kedua negara ini ialah di selatan negeri Pahang dan juga Laut China Selatan. Jadi, kawasan tersebut telah dipersetujui berdasarkan perundingan-perundingan tertentu yang mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Berkenaan dengan syarat-syarat yang telah kita tentukan, jadi perkara ini ada di dalam perundingan kita dan syarat-syarat tersebut sebahagiannya saya tidak dapat hendak terangkan di sini kerana sebab-sebab keselamatan.

Berkenaan kemalangan yang berlaku di Johor Bahru itu, seperti yang telah saya sebutkan, sebenarnya kapal-terbang ini bila ia lalu pada landasan, ia terpaksa melalui kawasan itu. Sebenarnya memang tidak termasuk. Kita tidak tahu apa sebab kemalangan ini berlaku kerana tidak diumumkan kepada kita, tetapi sewaktu hendak menuju ke tempat latihan, ia terjatuh. Jadi, keadaan seperti ini ada masanya tidak dapat dielakkan. Tetapi memang benar kawasan itu bukan tempat latihan tetapi ia hendak menuju ke tempat latihan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya pertama sekali berapakah jumlah pampasan yang telah dibayar kepada pihak yang terlibat di Johor Bahru, sekiranya ada di dalam pengetahuan Kementerian Pertahanan.

Yang keduanya, adakah dengan laporan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kita berpuas hati bahawa selama ini apa yang telah berlaku atau apa yang telah dilakukan oleh pihak tentera Singapura di negara kita ini semuanya adalah accident. Umpamanya, sebagaimana tuduhan pelancaran peluru berpandu dan sebagainya. Seterusnya, berapa kalikah pihak tentera udara Singapura ini telah mencerobohi ruang udara dan mendapat kemalangan di dalam kawasan negara kita ataupun di negeri Johor sendiri?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pampasan ini perkara itu adalah rundingan terus di antara pihak Kerajaan Singapura dengan negeri Johor. Jadi, tentang

jumlah-jumlah pampasan ini tidak ada direkodkan oleh Kementerian ini kerana itu bukanlah tanggungjawab kita. Itu adalah tanggungjawab Kerajaan Singapura dan jumlah sebenarnya telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri Johor.

Tentang kawasan udara ini sebenarnya kita ada persetujuan mengenai tempat-tempat yang kita perlu beri kepada Kerajaan Singapura kerana Singapura adalah sebuah negara yang sangat kecil, jadi ruang udaranya juga sangat kecil. Jadi, untuk tujuan latihan, kita bersetuju memberikan mereka beberapa kawasan seperti yang saya sebutkan tadi. Selain daripada itu, hubungan dua negara iaitu, antara kita dengan Singapura, kita juga memerlukan kerjasama daripada negara tersebut, umpamanya Pengkalan Tentera laut kita di Singapura. Pada masa ini Kerajaan Singapura memberikan kita tempat. Oleh sebab itu kita tidak boleh memandang bahawa bukan kita sahaja yang memberikan kepada Singapura, tetapi Singapura juga ada memberikan kemudahan kepada kita.

Mengenai pencerobohan, hingga setakat ini tidak ada pencerobohan daripada tentera udara ataupun tentera laut Singapura yang dapat kita kesan. Kemalangan-kemalangan yang terjadi itu menurut pandangan kita adalah sebenar-benarnya disebabkan kemalangan yang tidak dapat dielakkan dan bukan disengajakan.

PADI—PEMBERIAN BAJA KEPADA PETANI DI KADA

11. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakub minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar terhadap langkah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang tidak memberi baja padi

kepada petani-petani dalam kawasan KADA pada akhir tahun ini; dan

- (b) apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan pemberian baja padi oleh KADA kepada para petani itu diagih secara adil kepada semua petani.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini telah dijawab pada 22hb Oktober dan 8hb November, 1991 semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu dan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat. Oleh yang demikian, saya tiada bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan ini.

MENUKAR KAD PENGENALAN BARU

12. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan;

- (a) bilangan permohonan penukaran kad pengenalan lama kepada baru setakat 30hb September, 1991 dan antaranya berapa kad pengenalan baru telah dikeluarkan bagi pemohon-pemohon ini;
- (b) dalam permohonan tersebut di atas ini, berapa banyakkah yang kena membetulkan atau mencari cabutan dokumen-dokumen yang ejaannya tak betul atau langsung tiada;
- (c) bilangan kehilangan taraf warganegara akibat daripada penukaran kad pengenalan lama kepada kad pengenalan baru sehingga 30hb September, 1991;
- (d) bilakah kad pengenalan baru akan dikeluarkan kepada Ahli-ahli Parlimen yang membuat permohonan dalam Bangunan Parlimen pada 1990; dan

- (e) bilangan kad pengenalan baru yang telah dikeluarkan kepada pemohon-pemohon berumur 12 tahun sehingga 30hb September, 1991.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan permohonan yang menukar kad pengenalan baru sehingga 30 September, 1991 ialah 619,629 dan 310,575 daripadanya dikeluarkan kepada pemohon.
- (b) Permohonan yang melibatkan carian cabutan kerana pindaan butiran ialah 1,500 permohonan;
- (c) Setakat yang diluluskan tidak ada permohonan yang kehilangan taraf kerakyatan kerana menukar kad pengenalan baru;
- (d) Kad pengenalan baru untuk Ahli Parlimen telah diserahkan kepada Urusetia Parlimen pada 28 Oktober, 1991 dan 27 November, 1991;
- (e) Bilangan kad pengenalan baru yang telah dikeluarkan kepada pemohon yang berumur 12 tahun sebanyak 254,105.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin benanya mengenai dengan kad pengenalan baru ini. Selain daripada warganegara yang memiliki kad pengenalan biru yang akan diganti dengan kad pengenalan baru, bagaimanakah dengan pemegang kad pengenalan merah? Apakah bentuk jenis kad pengenalan yang akan diberi kepada mereka yang memegang kad pengenalan merah?

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, tadi saya hendak bertanya bersabit dengan soalan yang kesembilan, mengenai dengan kad

pengenalan baru juga, tetapi tidak ada kesempatan. Apabila disebut kad pengenalan baru ini bermutu tinggi, saya pun bawa keluarlah kad yang saya baru dapat, lebih kurang tiga minggu lalu. Saya simpannya dalam beg dan apabila saya bawa keluar, saya tengok sudah mula nampak hendak buruk. Jenisnya begitu licin dan kalau pemilik-pemilik kad pengenalan ini tidak simpan baik-baik, dia mudah kehilangan sebab terlalu licin.

Yang kedua pula, saya tengok dari segi canggih, pada pandangan saya tidaklah sebegitu canggih. Kalau saya nampak simple, mungkin susah hendak ditiru tetapi ianya jenis nampak simple. Dan dari segi nombor kad pengenalan yang baru diguna tarikh lahir, yang saya punya, tarikh lahir 25.1.51. Tetapi di sini ditulis 510125, jadi boleh dibaca umur saya 25.10.51. Ini tua sembilan bulan tidak boleh jadi. Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat perjelaskan supaya bila kita sebut kad pengenalan baru ini bermutu tinggi, biarlah benar-benar bermutu tinggi.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kad pengenalan baru termasuk kad pengenalan bagi penduduk tetap iaitu pemegang kad pengenalan merah juga kena tukar kepada kad pengenalan bentuk baru iaitu kad pengenalan bermutu tinggi. Bentuk pun adalah sama, tetapi serupa dengan yang dahulu, akan disebut di sana dengan jelas "penduduk tetap" untuk mereka yang memegang kad pengenalan bukan warganegara. Tempoh juga adalah sama dengan yang lain iaitu mereka kena tukar kad mereka dalam masa enam tahun. Untuk kad pengenalan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi sebagai licin ataupun susah disimpan dan kena dijaga berhati-hati, semalam telah saya jawab kepada Yang Berhormat dari Arau. Memang dari segi rupa-bentuknya, dia lebih kecil, lebih licin dan lebih nipis. Tetapi itu adalah satu

cara yang mana bukan sahaja kita dapat jaga ciri keselamatannya tetapi juga dapat kita jimatkan kosnya, sebab Kerajaan tidak mahu memberi susah kepada rakyat. Kalau kita hendak buat sesuatu yang mahal-mahal, baik-baik, semua kena bayar banyak. Sekarang hanya \$4. \$4 setem itu paling murah sekali, dan dari segi ciri-ciri keselamatan masih kita dapat jaga. Jadi, kalau kita adakan sesuatu yang baik tetapi hendak murah, itu susahlah.

Mengenai nombor itu memang kena begitu sebab sistem komputer sekarang, dan kita sudah susun semua kodnya mengikut cara iaitu tarikh lahir dan kod negeri dan kod komputer di akhir. Jadi, nombor kad pengenalan baru itu akan merupakan satu kod komputer untuk kita baca komputer nanti. Ini adalah satu perkara rahsia dan tidak boleh saya cerita macam mana, nanti sindiket akan mengetahuilahkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak hendak tahu bab rahsia ini. Tetapi soalnya, saya hendak beri contoh, kalau tarikh lahir saya 25.1.51, ditulis 510125, dan bagi mereka yang lahir 25.10.51 pun mesti angka yang sama, sebab dia terbalik. Ini saya katakan ada persefahaman dan ini saya minta pihak Kementerian kaji kalau saya ini betul, dan kalau tidak, kemungkinan saya tidak berapa faham. Saya minta sebab ini penting bersabit dengan kad pengenalan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang kita gunakan untuk kad pengenalan baru iaitu tahun lahir akan diambil dahulu, kemudian diikuti dengan bulan, haribulan dan selepas itu kod negeri di mana kita dilahir. Selepas itu lima angka yang terakhir itu merupakan kod komputer. Sebab ini semua telah siap sedia, tidak dapat kita ubah lagi, apa yang kita boleh buat ialah kita terangkan,

beritahu semua orang umum bahawa tarikh lahir itu memang dibaca dengan tahun dahulu diikuti dengan bulan dan kemudian haribulan. Tidak boleh kita ubah ini sebab semua machinery sudah dibuat macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 4,7 dan 13 adalah diberi di bawah ini)

INSIDER TRADING

1. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membasmikan insider trading yang terus berlaku di dalam saham. Adakah ura-ura mengambil firma Kroll Associates dari Amerika Syarikat untuk menyiasat hal ini menjadi kenyataan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow); Jawapan berkaitan dengan bahagian pertama, iaitu langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kewangan untuk membasmikan perdagangan dalaman di dalam pasaran saham telahpun dibuat pada 29hb November, 1991, iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapannya.

Merujuk kepada bahagian kedua pertanyaan Ahli Yang Berhormat, Pejabat Pendaftar Syarikat dan Kementerian Kewangan tidak pernah bercadang untuk mengambil mana-mana pihak asing, termasuk firma Kroll Associates dari Amerika Syarikat, untuk menyiasat kegiatan perdagangan dalaman di negara ini.

BERJUDI DI KASINO GENTING HIGHLANDS

4. **Datuk Haji Basri bin Bajuri** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tindakan Kerajaan menyekat orang-orang Islam dari berjudi di Kasino Genting Highlands satu tindakan yang amat baik dan berkesan. Jika ya:

- (a) apakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan undang-undang melarang orang-orang Islam dari memasuki premis-premis perjudian dan arak seperti pub dan disko; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk melarang orang-orang Islam daripada bekerja di tempat-tempat perjudian atau kedai-kedai arak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Hal ini adalah dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat boleh memberi pandangan agar Kerajaan Negeri menimbang mengadakan undang-undang melarang orang-orang Islam bekerja dan juga memasuki tempat-tempat judi dan kedai-kedai arak. Mengadakan undang-undang untuk mencegah orang-orang Islam melakukan maksiat dan kemungkaran adalah satu langkah yang baik tetapi undang-undang seperti itu tidak menjamin orang-orang Islam menjadi baik. Kawalan yang berkesan ialah dari dalam diri individu. Oleh itu, Kerajaan memperhebatkan aktiviti dakwah bagi orang dewasa dan pendidikan agama di kalangan kanak-kanak sekolah.

ROYALTI PETROLEUM TELAGA MINYAK SABAH

7. **Tuan Joseph Voon** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah royalti petroleum yang dikutip oleh

Kerajaan Persekutuan dari telaga minyak di negeri Sabah pada tiap-tiap tahun sepanjang Rancangan Malaysia Kelima; dan

- (b) daripada jumlah itu, berapakah pula yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah pada tempoh yang sama.

Dato' Loke Yuen Yow:

- (a) Jumlah royalti petroleum yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan dari telaga minyak di negeri Sabah pada tiap-tiap tahun sepanjang Rancangan Malaysia Kelima, iaitu dari tahun 1986 hingga 1990 adalah seperti berikut:

Tahun	Kutipan
1986	\$ 59,334,795
1987	\$ 75,167,738
1988	\$ 68,833,249
1989	\$ 108,407,730
1990	\$149,301,012
Jumlah	<u>\$461,044,524</u>

- (b) Jumlah royalti untuk Kerajaan Negeri Sabah bagi tempoh yang serupa adalah sama banyak dengan apa yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan.

EAST ASIA ECONOMIC GROUP—BANGKANGAN AMERIKA

13. **Tuan G. Palanivel** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kemajuan yang dicapai dalam menjadikan cadangan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (East Asia Economic Group' EAEG) sebagai inisiatif ASEAN. Oleh kerana Amerika Syarikat adalah rakan dagangan utama Malaysia dan juga kawasan-kawasan lainnya, apakah

langkah yang sedang dibuat untuk menentang bangkangan pihak Washington terhadap cadangan itu. Bolehkah konsep EAEG menjadi kenyataan walaupun dengan bangkangan kuat dari pihak Amerika Syarikat. Bolehkah cadangan tersebut diubahsuai supaya ianya dapat diterima oleh pihak Amerika Syarikat.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh saya pada 24hb Oktober, 1991 ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tambun. Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 11hb November, 1991, Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 13hb November, 1991, Yang Berhormat dari Marang pada 26hb November, 1991 dan Yang Berhormat dari Padang Terap pada 29hb November, 1991. Memandangkan bahawa perkara yang dibangkitkan semuanya berkaitan dengan East Asia Economic Group (EAEG), oleh yang demikian, saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

USUL-USUL

AKTA KASTAM 1967

335 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

(i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1991;

- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2)1991;
- (iii) Perintah Duti Kastara (Pindaan) (No.3) 1991;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 1991;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 1991;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 1991;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 1991;
- (viii) Perinlah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 1991;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 1991;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.10) 1991;
- (xi) Perintah Duli Kastam (Pindaan) (No.11) 1991;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.12) 1991;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.13) 1991;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.14) 1991;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.15) 1991;
- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.16) 1991;
- (xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.17) 1991;
- (xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.18) 1991;
- (xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.19) 1991;
- xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.20) 1991;
- (xxi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.21) 1991;
- (xxii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.22) 1991;
- (xxiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.23) 1991;

- (xxiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.24) 1991;
- (xxv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.25) 1991;
- (xxvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.26) 1991;
- (xxvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.27) 1991;
- (xxviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.28) 1991;
- (xxix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.29) 1991;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut bil. 176, 177, 178, 179, 180, 181, 182, 183, 184, 185, 186, 187, 188, 189, 190, 191, 192, 193, 194, 195, 196, 197, 198, 199, 200, 201, 202, 203 dan 204 tahun 1991 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1991, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6), (No.7), (No.10), (No.11), (No.12), (No.14), (No.16), (No.20), (No.26) dan (No.28) 1991 adalah bertujuan untuk meminda kadar duti kastam ke atas barangan petroleum di seluruh negara berdasarkan kepada kajian harga barangan petroleum yang dibuat pada setiap bulan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 1991 adalah bertujuan untuk mengenakan duti spesitik sebanyak \$10 se unit ke atas motor-vehicle shock absorbers di bawah kod tarif 8704.80 900 untuk membantu industri tempatan di dalam menghadapi masalah pengimportan besar yang berlaku akibat dumping ataupun under declaration.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 1991 adalah bertujuan untuk menaikkan kadar duti import ke atas sheet figured and wired float glass daripada 5% dan \$492.10 sekilogram kepada duti spesifik sebanyak 65 sen

sekilogram untuk melindungi pengeluaran tempatan iaitu Syarikat Malaysian Sheet Glass.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 1991 adalah bertujuan untuk menaikkan duti import ke atas barangan 2.4-Dichlorophenyl Acetic Acid, its salts and esters, dengan izin, daripada 2% kepada 10% ataupun \$1.60 per kilogram yang mana lebih tinggi untuk tujuan memberi sedikit perlindungan kepada syarikat yang baru mengeluarkan pengeluaran.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 1991 adalah bertujuan untuk meminda diskripsi barangan "biaxially oriented polypropylene (BOPP)/oriented polypropylene (OPP)" supaya lebih tepat dan dapat membantu pengeluaran-pengeluaran tempatan mengesakan mengenai perkembangan kemasukan barangan tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 1991 adalah bertujuan untuk memansuhkan perkataan "in bottle", dengan izin, yang terdapat di dalam diskripsi barangan di bawah kod tarif 2208.20 110, 208.30 100, 2208.40 100, 2208.50 100 dan 2208.90 410 supaya subkepala-subkepala bagi brandy, whiskies, rum and tafia, gin and geneva dan vodka akan mempunyai dua pecahan yang jelas di mana ianya tidak berdasarkan kepada jenis packing, tetapi berdasarkan kepada kandungan alcohol di bawah pecahan subkepala, iaitu not exceeding 46% dan others, iaitu exceeding 46% volume.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 1991 adalah bertujuan untuk memansuhkan duti import sebanyak 5% ke atas CKD tractors for semi-trailers di bawah kod tarif-kod tarif 8071.20 110, 8701.20 120 dan 8701.20 130 untuk membantu perkembangan industri pengangkutan selaras dengan pengumuman dalam Belanjawan 1990.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.13) 1991 adalah bertujuan mengurangkan perlindungan tarif ke atas PVC floor-covering di paras 40% ataupun \$1.00 semeter persegi kepada 3% selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan perlindungan tarif yang dirasakan agak berlebihan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.15) 1991 bertujuan untuk mengurangkan duti import ke atas harga benzene sulphonic acid dan harga benzene sulphonic di bawah kod tarif 3402.11 100 daripada 15% ad valorem kepada 2% ad valorem supaya duti import ke atas bahan-bahan kimia berkenaan yang digunakan di dalam pengeluaran washing preparation disamakan dengan duti import ke atas washing preparation dalam bentuk sabun iaitu sebanyak 2% sahaja.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.17) 1991 adalah bertujuan untuk mengenakan duti import 30% ad valorem ataupun \$27.00 se set yang mana lebih tinggi ke atas crank cases dan crank case cover and other aluminium covers dan other parts bagi mengeluarkan enjin motosikal dengan capacity 110 c.c. dan ke bawah untuk memberi perlindungan tarif kepada syarikat-syarikat tempatan yang baru mengilang dan mengeluarkan crank cases and crank case cover untuk dibekalkan kepada pengeluar-pengeluar tempatan. Dan juga menurunkan duti-duti import ke atas enjin motosikal dengan capacity 110 c.c. dan ke bawah dari 40% ad valorem ataupun \$160 se unit yang mana lebih tinggi kepada 30% ad valorem ataupun \$160 se unit yang mana lebih tinggi supaya duti import ke atas enjin motosikal diselaraskan dengan tahap perlindungan tarif ke atas komponen-komponen automotif seperti motokar dan motosikal.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.18) 1991 adalah bertujuan untuk menyelaraskan kadar

duti import ke atas valves, tabs and corks and other similar appliances of copper alloy untuk memberi perlindungan kepada pengeluar water tabs di dalam negara serta memastikan kadar duti import bagi valves, tabs, corks and other similar appliances yang tidak dikeluarkan di negara kita ini dikenakan kepada paras yang minima sahaja.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.19) 1991 adalah bertujuan untuk mengurangkan perlindungan tarif dan bukan tarif ke atas friction material bagi kenderaan bermotor secara berperingkat-peringkat agar industri tempatan dapat bersaing dengan lebih kompetitif dan mengurangkan aktiviti penyeludupan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.21) 1991 adalah bertujuan untuk memansuhkan nombor subkepala 2403.99 911 bagi barangan other manufactured tobacco kerana nombor subkepala berkenaan diwujudkan pada tahun 1952 khusus untuk membantu kilang-kilang kecil yang mengeluarkan rokok tanpa menggunakan machine power driven mechanical means sedangkan aktiviti tersebut tidak wujud lagi. Dan mengubah struktur duti import bagi subkepala 8708.70 supaya tayar yang terletak di bawah subkepala tersebut dengan diskripsi road use fitted with tyres dikenakan duti sebanyak 30% ataupun \$3 sekilogram yang mana lebih tinggi iaitu sama dengan kadar duti ke atas tayar tanpa road use.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.22) 1991 bertujuan untuk menghapuskan duti import ke atas urine bag kerana ia adalah khusus digunakan oleh pesakit-pesakit yang dibedah dan dibuang usus kecil dan usus besar.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.23) 1991 adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti import ke atas

modified stretches di bawah nombor kepala tarif 3505.10 100 daripada 30% kepada 2% untuk diseragamkan kadar-kadar dutinya dengan lain-lain jenis modified stretches di bawah kod tarif 3505.10 900 dan dikenakan duti import sebanyak 2% sahaja.

Pehntah Duti Kastam (Pindaan) (No.24) 1991 adalah bertujuan untuk memansuhkan duti import ke atas simen bagi mengatasi masalah kekurangan simen yang dihadapi oleh pengguna-pengguna simen tempatan pada masa ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.25) 1991 adalah bertujuan untuk menaikkan sedikit kadar duti import ke atas bungkusan CKD kereta daripada 4% kepada 42% bagi mendapat tambahan hasil.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.27) 1991 adalah bertujuan untuk menyelaraskan kembali duti-duti import ke atas barang-barang yang tarifnya diikat ataupun bound di bawah GATT kepada paras dan bentuk yang diikat oleh Malaysia pada tahun 1980 selaras dengan keputusan Jemaah Menteri mengenainya pada 7hb Mac, 1990.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.29) 1991 adalah bertujuan untuk menaikkan kadar duti import ke atas extracted rice brand di bawah nombor kepala tarif 2306.90 910 dari Nil kepada 13% supaya diseragamkan dengan rice brand di bawah nombor kepala tarif 2303.20 100.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang terbuka untuk dibahas. Tak ada yang hendak bahas?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1991;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 1991;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 1991;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 1991;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 1991;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 1991;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 1991;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 1991;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 1991;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.10) 1991;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.11) 1991;

- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.12) 1991;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.13) 1991;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.14) 1991;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.15) 1991;
- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.16) 1991;
- (xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.17) 1991;
- (xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.18) 1991;
- (xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.19) 1991;
- (xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.20) 1991;
- (xxi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.21) 1991;
- (xxii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.22) 1991;
- (xxiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.23) 1991;
- (xxiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.24) 1991;
- (xxv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.25) 1991;
- (xxvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.26) 1991;
- (xxvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.27) 1991;
- (xxviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.28) 1991;
- (xxix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.29) 1991;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut Bil. 176, 177, 178, 179, 180, 181, 182, 183, 184, 185, 186, 187, 188, 190, 191, 192, 193, 194, 195, 196, 197, 198, 199, 200, 201, 202, 203 dan 204 tahun 1991 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1976

3.48 *ptg.*

Dato Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1991;
- (ii) Perintah Duli Eksais (Pindaan) (No.2) 1991;
- (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.3) 1991;
- (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.4) 1991;
- (v) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.5) 1991;
- (vi) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.6) 1991;
- (vii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.7) 1991;
- (viii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.8) 1991;
- (ix) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.9) 1991;
- (x) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.10) 1991;
- (xi) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.11) 1991;
- (xii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.12) 1991;
- (xiii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.13) 1991;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut Bil. 205, 206, 207, 208, 209, 210, 211, 212, 213, 214, 215, 216 dan 217 tahun 1991 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1991, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), (No.4), (No.5), (No.6), (No.7), (No.8), (No.9), (No.10) (No.12) dan (No.13) 1991 adalah bertujuan untuk meminda kadar duti eksais ke atas beberapa barangan petroleum di seluruh negara berdasarkan kepada kajian harga barangan petroleum yang dibuat pada setiap bulan untuk menstabil dan menetapkan kadar harga barangan tersebut.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2)1991 adalah bertujuan untuk mengenakan duti eksais pada kadar 10% ke atas daun terup jenis acrylic supaya menyamakan kedudukannya dengan daun terup biasa, iaitu kepingan-kepingan kertas ataupun plastik.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 11) 1991 adalah bertujuan untuk menaikkan kadar duti eksais ke atas van yang dipasang di dalam negara kita ini daripada 5% kepada 30% bagi van untuk kegunaan persendirian 7 hingga 9 tempat duduk dan daripada 15% kepada 30% bagi kenderaan dua-guna, iaitu two-purpose vehicle.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Tidak ada hendak bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1991;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 1991;
- (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.3) 1991;
- (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.4) 1991;
- (v) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.5) 1991;
- (vi) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.6) 1991;
- (vii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.7) 1991;
- (viii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.8) 1991;
- (ix) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.9) 1991;
- (x) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.10) 1991;
- (xi) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.11) 1991;
- (xii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.12) 1991;
- (xiii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.13) 1991;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut bil. 205, 206, 207, 208, 209, 210, 211, 212, 213, 214, 215, 216 dan 217 tahun 1991 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT LUAR PESISIR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (31hb Oktober. 1991).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau hendak sambung?

3.53 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya pada 31 Oktober yang lepas dan sekali gus untuk tujuan ingatan kepada pihak Kementerian, iaitu saya telah menimbulkan pindaan di bawah Fasal 2 di mana Fasal 2 menyebutkan iaitu syarikat-syarikat insurans dan juga bank-bank di Malaysia yang memegang saham mereka tidak perlu menyatakan struklur pegangan syer.

Jadi, di sini saya mempertikaikan di mana kalau sekiranya kita berbuat macam ini kita tidak dapat menarik pelabur-pelabur luar datang oleh kerana kemungkinan besar pelabur-pelabur tempatan yang berminat akan pergi ke sana dan hanya mengadakan syarikat dalam bentuk 9S%:2% iaitu 2% daripada luar; 98% daripada dalam. Jadi, dari segi pusingan kewangan kita dapati wang int ialah wang daripada Malaysia sendiri yang diinvest di sana dan selepas itu wang ini kemudian dipinjam balik oleh pemastautin-pemastautin Malaysia sebagaimana yang telah dibenarkan di bawah pindaan kepada Seksyen 29 dalam Fasal 3 Akta Syarikat Luar Pesisir ini.

Jadi, saya minta supaya kedua-dua pindaan di bawah Fasal 2 dan Fasal 3 ini diberi penjelasan untuk merabolehkan kita mendapat penerangan lengkap dan dalam masa yang sama, walaupun pada hakikatnya tujuannya adalah baik iaitu untuk menarik lebih banyak pelabur-pelabur melabur di Labuan dan dengan itu kita mengharapkan ianya akan mendatangkan manfaat kepada pemastautin-pemastautin di Malaysia.

Dalam hal ini kita juga amat gembira kerana dengan pindaan ini kita boleh menarik lebih ramai pelabur dan kita juga berharap, scbagaimana yang telah disebutkan oleh semua rakan-rakan, supaya kawasan Pulau Labuan ini akhirnya tidak dijadikan tempat yang membolehkan pihak-pihak yang mendapat wang secara tidak sah untuk digunakan Pulau Labuan sebagai tempat untuk mencuci wang mereka.

Tetapi saya tidak bersetuju dengan sahabat saya dari Kepong yang menyebutkan perkataan "ahli-ahli politik" mungkin boleh mencuci wang mereka di Pulau Labuan. Kalau sebut "ahli-ahli politik" ini, saya rasa Wakil Rakyat macam kitalah. Tidak ada Wakil Rakyat yang mempunyai wang yang begitu banyak kecuali seorang dua. Malah, pindaan gaji kita yang akan dibawa esok pun cuma dalam bentuk 60% sahaja. Takkan dengan menggunakan pindaan tersebut kita hendak pergi cuci wang kita di Labuan. Jadi....

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau ini sengaja hendak cari sebab sahaja itu. Saya tidak bermaksud emolumen ataupun elaun yang diberi kepada Ahli-ahli Parlimen. Itu kalau hendak bawa ke Labuan pun cuma sia-sia sahaja. Yang saya maksudkan itu wang kotor - wang yang didapati melalui cara-cara yang tidak sah. Itu yang saya sebutkan iaitu sama ada ahli-ahli politik ataupun orang ramai yang lain yang

sanggup meraih wang melalui cara yang tidak sah dan kemudian membersihkan di Labuan. Itulah yang saya maksudkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau itu maksud Yang Berhormat, saya setuju. Tetapi Yang Berhormat ada sebutkan perkataan "ahli-ahli politik", baca Hansard balik. Jadi, Yang Berhormat sekali-sekala pukul Ahli politik. Mungkin Yang Berhormat pun ahli politik, ada dapat, mana tahu bukan? Yang Berhormat pun pergi cuci wang di sana. Tetapi janganlah sebut perkataan "ahli politik", kita ini bukan orang yang mencari wang, kita adalah penggubal dasar, pemimpin yang ingin memimpin orang lain buat wang. Kita tak payah buat wang. Kita dapat pinda 60% pun sudah seronok. Kita tidak dapat naik gaji, pegawai-pegawai Kerajaan naik gaji, kita pindaan sahaja. Itu kena baca ya. Dan kita dengarlah besok pengumumannya.

Walau bagaimanapun, kita semua sebut di sini oleh kerana ianya merupakan tempat baru yang membolehkan kita untuk mendapat sumber yang lebih baik untuk membangunkan negara, kita berharap supaya ianya tidak dijadikan tempat untuk mencuci wang kotor. Kalau sekiranya ini berlaku dan ini perlu diberi perhatian kerana dari segi pindaan ini, terdapat sedikit lubang-lubang yang membolehkan pihak-pihak tertentu masuk untuk tujuan yang berkenaan. Jadi, kita amat berharap terutama pindaan kepada Seksyen 6 dalam Fasal 2 di mana kalau ada mereka yang mendapat wang secara tidak sah, dia boleh menggunakan cara begini kerana ianya tidak menyatakan pegangan sah. Jadi, katalah pakar pengedar dadah yang terkenal daripada Columbia - saya sudah lupa namanya. Katalah dia hendak cuci wang di Pulau Labuan, dia tidak payah sebut namanya. Bukan Norega - itu Norega di Panama; ini Columbia, saya sudah lupa.

Walau bagaimanapun, tidak payah Norega atau siapa-siapa menyebut nama Norega. Dia boleh menyebut nama Ahli dari Kepong pun dia boleh cuci wangnya. Maknanya dia tidak perlu menyatakan pegangannya ataupun dia menyatakan pegangannya 2%, tetapi sebenarnya dia mempunyai 98%. Jadi, ini saya hendak bertanya hakikat mengapa pindaan kepada Seksyen 6 ini dibuat kerana ianya menimbulkan sedikit persoalan yang saya lihat secara detail di sini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah secara ringkas yang saya sebut dalam perbahasan saya pada 31hb Oktober yang lepas. Oleh kerana jadi, sudah agak lama, jadi saya terpaksa ulang balik untuk mendapatkan cara saya berhujah semula.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya melawat Pulau Labuan dengan belanja sendiri dan saya lihat ada beberapa perkara yang harus diberi pertimbangan oleh pihak Kerajaan. Yang pertamanya, dalam usaha kita untuk menjalankan pasaran, memberi penerangan kepada pihak-pihak luar, peniaga-peniaga luar untuk datang ke sini, kita sebenarnya memerlukan orang-orang yang pakar. Bukan saya kata pegawai-pegawai MIDA tidak pakar, tetapi kalau boleh pegawai-pegawai yang betul-betul faham.

Yang keduanya, kalau boleh disertai oleh mereka yang telahpun beroperasi di Pulau Labuan itu supaya mereka ikut serta kerana mereka boleh menjawab beberapa soalan yang ditimbulkan. Baru-baru ini, dalam seminar yang diadakan di Hong Kong, Tokyo dan Taiwan, kita dapati ada pegawai-pegawai kita tidak dapat menjawab soalan-soalan yang telah ditanyakan. Saya tidak mahu timbulkan, pegawai-pegawai yang bawa itu tidak maklumkan ada orang Islam yang hadir sama dalam seminar yang berkenaan sehingga diberi makanan yang tidak

halal dan sebagainya. Itu saya tidak mahu sebut tetapi saya sudah sampaikan kepada Menteri dan kalau boleh perkara ini harus diberi perhatian tetapi yang mahu saya sebut ini secara rasminya, sekiranya pegawai-pegawai yang hadir itu mestilah pegawai-pegawai yang betul-betul mahir yang boleh menjawab soalan-soalan termasuk pindaan-pindaan yang kita buat ini. Kita tengok dua tiga benda yang mereka kata bahawa perkara ini perlu dirujuk semula. Saya tidak hadir dalam seminar yang berkenaan tetapi kawan saya hadir dan dia maklumkan perkara ini kepada saya dan dengan itu kita minta pada masa hadapan ini supaya kalau boleh disertai bersama oleh mereka yang sedang beroperasi di Pulau Labuan.

Kemudian yang keduanya, kita lihat ada sedikit kelambatan dari segi penubuhan syarikat. Jadi, saya hendak dengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang akan menjawab pada hari ini, saya ingin bertanya, sejauh ini mulai dari 1 Oktober 1990, berapa banyakkah syarikat yang telah didaftarkan? Sekiranya tidak banyak, saya percaya memang tidak banyak, saya pergi tengok pun tidak ada, tidak banyak, bukan tidak ada. Jadi, apakah boleh dibuat self companies ataupun syarikat-syarikat kosong untuk membolehkan mereka tidak perlu menunggu lama untuk mendaftar. Apakah boleh sekiranya untuk tujuan ini, kerana penting supaya untuk mereka yang ingin mendaftar dan berniaga di Pulau Labuan supaya diberi keistimewaan untuk membolehkan mereka mempercepatkan pendaftaran. Kalau ikut proses biasa, kita terpaksa buat search dan sebagainya. Itu pun sudah dua minggu, selepas itu diikuti pendaftaran dan sebagainya. Kadang-kadang mengambil masa sampai dua bulan. Jadi, oleh kerana mereka sudah berminat hendak datang, umpamanya orang yang sudah bersemangat untuk datang, tiba-tiba semangatnya lumpuh

dan luntur oleh kerana mereka terpaksa menghadapi masalah birokrasi yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah dan saya juga berharap supaya syarikat-syarikat yang melabur di Pulau Labuan juga dapat memberi perhatian kepada penduduk-penduduk tempatan sama ada untuk mendapatkan tenaga mahir ataupun tenaga tidak mahir alaupun dalam memberi latihan kerana ini adalah perkara yang penting. Janganlah kita jadi orang yang tidak mengenang budi. Kita pegi menumpang di tempat yang berkenaan tetapi orang yang berkenaan berada di luar jangkaan. Kita mahu supaya apabila syarikat-syarikat gergasi ini melabur di Pulau Labuan, Pulau Labuan sekaligus ditukarkan menjadi pulau yang sebenarnya yang kita kehendaki. Kita tidak mahu penduduk-penduduk tempatan pula, dia berlainan. Kita tidak mahu cerita Langkawi di peringkat awal dahulu. Orang lain riuh-rendah datang melancong di Langkawi tetapi orang Langkawi sendiri kita lihat berlainan cara hidupnya. Mereka masih lagi dengan cara yang lama. Sekarang pun sekiranya perubahan tidak dibuat cepat, mungkin mereka senang sedikit sekarang ini, sebab oleh jual tanah dengan harga yang tinggi tetapi dari segi mereka menyertai perniagaan, kita dapati amat berkurangan. Jadi, kita berharap supaya penduduk tempatan Labuan diberi peluang bersama ataupun disyaratkan supaya mereka juga dapat menyertai bersama.

Kalau dilihat dari segi pindaan ini, sebenarnya mereka tidak mendapat apa-apa peluang. Kalau Yang Berhormat tengok, terutamanya pindaan Fasal 2, Seksyen 6, ini akan melonggarkan ataupun tidak mengetatkan syarat bahawa penyertaan penduduk-penduduk Pulau Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang ini dan kita berharap dengan pindaan

ini semua rakyat Malaysia, semua ahli politik termasuk DAP yang akan pergi melancong ke luar negeri selepas Parlimen ini untuk berehat kerana esok pun, mereka tahu bahawa mereka akan kalah. Jadi, terpaksa berehat sedikit, kita harap mereka juga dapat menjual atau memasarkan bersama tentang kedudukan Pulau Labuan, ini kerana kemajuan dan juga pembangunan yang pesat pada rakyat Malaysia, ianya akan mendatangkan keuntungan kepada semua pihak, kepada Barisan Nasional, kepada DAP, kepada S.46, kepada PAS. Sebabnya ialah jikalau pindaan gaji dibuat bukan kita sahaja yang dapat malah, Yang Berhormat pun akan dapat sama. Jadi, semua orang akan dapat. Jadi, kalau negara maju, lagi banyak pindaan gaji dibuat, Jadi, tolonglah jual bersama-sama, dengan itu kita dapat nikmat....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun. Yang Berhormat Kepong bangun atas apa?

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya sangka Yang Berhormat Arau sudah habis berucap.

Dr Tan Seng Giaw: Belum lagi. Dia hendakkan penjelasan. Saya nampak dia tengok ke sebelah sini untuk mendapatkan ilham sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ada beri isyaratkah?

Dr Tan Seng Giaw: Ya. Saya hendak minta penjelasan. Adakah dia bersedia untuk memastikan berusaha dengan bersungguh-sungguh supaya semua yang dijalankan, diatur dan diuruskan mengenai undang-undang Luar Pesisir dan juga Pentadbiran Luar Pesisir di Labuan dijalankan dengan

licin, dengan baik, tanpa korupsi, tanpa rasuah, tanpa penyelewengan dan kecurangan. Kalau ini boleh dipastikan, boleh dijamin dan kami dari DAP tidak ada masalah untuk menyokongnya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Itu sudah pasti. Bagi pihak Kerajaan, saya menjawab sudah pasti. Sudah pasti kita akan memastikan tidak ada korupsi, tidak ada wang kotor yang dicuci di sana dan sebagainya. Kalau benda ini terjadi, tidak payah tunggu DAP. Saya akan mulakan di sini untuk mengkritik pihak Kerajaan dan sebagainya. DAP pun, PAS pun ada dalam Public Accounts Committee. Kita boleh tanya. Ini benda terbuka bukan benda yang disembunyikan, ditutup dan sebagainya. Ini ternyata dan terdapat di dalam pindaan Perlembagaan yang membolehkan kita bertanggungjawab bersama. Jadi, kalau DAP sudah bersetuju, marilah kita bersama....

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan atau tidak? Bukit Bintang bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Ahli Berhormat dari Arau sama ada beliau sedar atau tidak Pengerusi PAC dan Timbalan Pengerusi PAC ini terdiri dari Barisan Nasional. Bagaimanakah mereka boleh menyiasat dengan terperinci kalau ada korupsi atau kecurangan dalam agensi-agensi Kerajaan seperti yang disebutkan tadi itu dan juga sama ada beliau sedar Pengerusi di Labuan yang sekarang ini ialah Ahli Yang Berhormat dari Merbok dan beliau sudah mahsyur dalam negara kita tentang hal-hal korupsi dan hal-hal salah gunakan kuasa dan sebagainya?

Tuan Shahidan bin Kassim:

Soalan yang pertama, Yang Berhormat, saya cerita iaitu fasal Pengerusi PAC. Sebenarnya Yang Berhormat, Pengerusi dari Barisan Nasional itu pentinglah. Kita memerintah, kitalah kena jadi Pengerusi, takkan kita beri Pembangkang, tidak betullah tetapi Ahli-ahli ada dari Pembangkang.

Saya pernah jadi Ahli PAC yang lepas, kalau sekiranya Pembangkang tidak bersetuju, Wakil dari Kota Melaka dan juga Wakil dari Kuching, masa saya tersebut dan juga Wakil dari PAS. Kita bagi jalan terbuka. Kalau dia hendak capak pada akhbar pun dia boleh buat. Itu hak dia tetapi dia bersetuju, sebab ini benda yang berlaku 3 tahun yang lepas. Sekarang telahpun diselesaikan. Jadi, soal Pengerusi dan Timbalan Pengerusi PAC, saya ingat tidak menjadi masalah dan Wakil DAP, S.46 dan PAS mestilah wakil yang bertanggungjawab untuk sama-sama mengkritik, tidak ada masalah. Cuma sekarang ini, you minta ganti dengan Kota Melaka, sebab Kota Melaka ini dok pajak semua, mentang-mentang dia anak Setiausaha Agung, saya cuba minta nanti dari Ketua Pembangkang supaya beri peluang pada you untuk masuk dalam PAC. Dengan itu you boleh sama-sama melihat, memerhati tidak puas hati - tanya, tetapi kita kena ingat, Laporan Audit ini Laporan yang berlaku dua tiga tahun yang lepas. Jadi, sekarang ini benda itu sudah selesai. Itu sebab kita tidak timbul masalah berbangkit, kecuali satu dua.

Kemudian yang keduanya, fasal Yang Berhormat bertanya tentang Ahli dari Merbok. Sebenarnya kita lantik dia mewakili Parlimen. Takkan kita hendak lantik Wakil dari Kepong. Wakil Kepong dia tahu cucuk sahaja, itu pun kulit sahaja, kerana dia bahagian kulit. You sendiri pun tidak bolehlah, sebab you lawyer yang belum berniaga. Dia pernah berniaga dan dia tahu selok-belok kewangan dan bekas Menteri Kewangan. Jadi, kalau orang ada

hendak main kotor dengannya susah sedikit. Kita tidak mahu orang yang tidak tahu. Jadi, saya kalau orang lantik saya pun saya tidak mahu tetapi selepas ini mungkin saya ada pengalaman sedikit, saya hendaklah (*Ketawa*) tetapi sekarang ini saya tidak mahu lagi, sebab saya kurang mahir dalam urusan-urusan kewangan ini. Hendak soal lagi atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya bersetuju dengan kawan-kawan saya supaya usaha-usaha untuk kita menjadikan Pulau Labuan dan seluruh Malaysia sebagai Pusat Kewangan Utama, akan menjadi masyhur dan disayangi kerana kita akan jadikan pusat kewangan ini sebagai pusat yang terbaik jika dibandingkan dengan Switzerland dan lain-lain tempat yang mana sekarang ini sudah tercemar menjadi tempat orang-orang tertentu untuk mencuci wang mereka.

Sebenarnya, Yang Berhormat maksudkan orang politik ini, saya percaya dia merujuk kepada Marcos dan lain-lain lagi, bukanlah orang politik di Malaysia, sebab di Malaysia tidak ada seorang pun ahli politik yang mendapat wang secara kotor, sebab kita bukan pengedar dadah, kita tidak. Kita dapat wang dengan cara berniaga, dengan cara kita bermain syer dan sebagainya, jadi wang kita semuanya suci. Tetapi kita juga hendak bertanya di bawah pindaan kepada Fasal 2 yang saya sebutkan tadi, walaupun wang ini saya dapat dengan baik tetapi kadang-kadang saya hendak lari dari cukai....

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun lagi.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat itu, adakah beliau akan mengambil apa-apa tindakan untuk mengawal syarikat-syarikat yang

ditubuhkan di Labuan ini dan saham-saham yang dipegang itu bukan saham kosong seperti Ahli dari Pendang, satu sen pun tidak dijelaskan. Yang itu yang kita hendak tahu. Apakah Kerajaan boleh mengawal keadaan begitu?

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, dari segi logiknya, kita tidak payah pergi secara detail, sebab Yang Berhormat adalah seorang lawyer, Yang Berhormat tentu tahu. Dari segi logik, ini pusat kewangan. Pusat Kewangan kita tidak boleh masuk syer kosong, mesti ada duit. Pusat ini adalah pusat kewangan, jadi kita berniaga di sini, lain. Di sana ialah Pusat Kewangan yang kita mesti melabur dengan wang. Selepas ini kita ada Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Labuan 1991 dan kita pun sudah lihat perkara ini. Lembaga Pengarahnya akan menentukan supaya ianya berjalan dengan baik.

Walau bagaimanapun, walaupun kita pakar dan sebagainya, kita mestilah mempercayai seseorang ataupun Lembaga Pengarah. Kalau sekiranya Lembaga buat kerja tidak betul, kita krilik. Tetapi dari segi undang-undang yang kita akan luluskan, ini adalah undang-undang yang terbaik dan saya mahu kalau DAP bersama-sama dengan saya pergi ke luar....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak dia tidak begitu berminat dengan Fasal 10. Misalannya, di mana kita dapati Seksyen 150 memberi kuasa kepada Menteri atas syor Pendaftar Syarikat mengecualikan mana-mana syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing daripada mematuhi mana-mana peruntukan Akta dan sebagainya. Ini menunjukkan pihak

Menteri mempunyai kuasa yang besar untuk membenarkan sesiapa sahaja memasuki Labuan, Cuba bayangkan, apakah yang mungkin boleh terjadi dengan Rang Undang-undang yang dikatakan sempurna oleh insan yang kamil itu. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat baca secara terperinci, tetapi saya tidak ada masa untuk mengulas sebab Menteri akan menjawab, tetapi kalau Yang Berhormat tengok secara apa yang disebutkan di sini, saya ingat ini satu perkara yang baik, kita beri kuasa kepada Menteri, bukan kepada Ahli dari Merbok. Kalau dia tukar seksyen ini kepada "Pengerusi", lagi teruk kita, lagi banyak boleh dipersoalkan. Tetapi sekarang ini disebut kuasa Menteri, di mana dalam undang-undang mesti menyebutkan, yang terakhirnya kuasa Menteri. Itu sebabnya Menteri yang memerintah dari Barisan Nasional. Kalau DAP memerintah pun disebutkan DAP dan yang memerintahkan pun Menteri DAP, kita ikut. Tetapi sekarang kita memerintah, ikutlah. Kehadapan ini kalau ditakdirkan DAP memerintah, susahlah sedikit, setakat jadi Pembangkang itu boleh, tetapi hendak jadi Menteri susah. Kalau ada Menteri, boleh.

PAS pun pernah jadi Menteri dahulu iaitu Menteri Tanah, kita ikut, walaupun dia Menteri PAS. Kuasa Menteri adalah penting. Tiap-tiap undang-undang kalau tiada kuasa Menteri, saya sendiri akan pertikaikan. Tetapi disebut kuasa Menteri ini penting, keraha kuasa Menteri sekurang-kurangnya boleh menyelaraskan dan boleh mengurangkan ketegangan ataupun mengurangkan masalah kalau sekiranya timbul masalah dari segi perundangan, kita rujuk kepada kuasa Menteri.

Kalau sekiranya ada perkara-perkara dalam Akta ini tidak membolehkan syarikat itu masuk, tiba-tiba kita kata

undang-undang ini tiada, tidak boleh masuk, jadi susah kita. Tetapi kalau kita sebut kuasa Menteri, sekurang-kurangnya perkara yang tiada, kita rujuk kepada Menteri. Itu sebabnya dia masukkan kuasa Menteri. Tanyalah lawyer yang di belakang Yang Berhormat itu, mesti dia jawab sama seperti jawapan saya. Saya walaupun bukan lawyer, tetapi kadang-kadang lawyer pun bukan pandai bercakap sangat. Saya bercakap bagi pihak lawyer supaya lawyer juga faham bahawa ini sebenarnya untuk membolehkan Menteri membuat keputusan segala perkara yang berhubung dengan perkara ini,

Cuma satu sahaja yang saya hendak bertanya di bawah Fasal 10. Saya hendak sebut tentang cukai. Saya juga ingin bertanya, ini bukan DAP beri idea, tetapi memang saya hendak bertanya, saya ada sebut dalam *Hansard* bertarikh 31 Oktober dahulu. Dari segi cukai ini, walaupun duit suci yang halal yang kita dapat di sini, kita hendak lari daripada cukai, kita pergi laburkan di Labuan. Yang Berhormat dari Kepong pun klinik dia, maju, dia pergi labur di Labuan sebab dia hendak lari dari cukai di sini, sebab cukai perkhidmatan telah mula dikenakan, maka dia pun melabur di Labuan. Sebelum 31 Disember, dia cepat-cepat keluarkan duit, dia labur di Labuan. Bila labur di Labuan, dia ada kuasa Menteri yang boleh mengecualikan cukai.

Saya hendak bertanya adakah kuasa Menteri yang disebutkan di sini diadakan peraturan khusus yang membolehkan syarikat ini dikecualikan cukai atas tahap mana? Undang-undang ini bagus di peringkat awal untuk membolehkan orang masuk. Yang penting kita mahu orang masuk. Malaysia di peringkat awal dahulu bila kita menghadapi masalah dari segi untuk membangunkan negara ini, kita benarkan orang masuk dan kita adakan kawasan perdagangan bebas dan

sebagainya. Kita tidak untung apa, cuma kita untung dari segi pekerja. Sekarang kita jual mahal, sebab sudah terlampau banyak, kita jual mahal, kita kata cuma teknologi-teknologi canggih dan tinggi sahaja yang boleh masuk. Ke hadapan ini kita pinda pula Akta ini. Apabila orang sudah banyak, duit pun sudah berlambak-lambak di Labuan, kita pinda Akta ini, "Oh! kita hendak yang macam ini". Inilah dia kearifan Kerajaan Barisan Nasional yang sukar ditandingi oleh mana-mana Kerajaan.

Marilah kita berdoa supaya kita menang di Jerlun dan dengan itu imej Kerajaan Barisan Nasional akan terus dihormati. Bila imej kita dihormati, Kerajaan akan maju dan makmur. Bila maju dan makmur, Ahli-ahli Parlimen pun senang dapat pindaan gaji dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kok Lanas, Selepas Yang Berhormat berucap, Kementerian yang berkenaan diminta jawab.

4.17 ptg.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil bahagian sedikit untuk membahaskan Fasal 10 yang telah dibangkitkan oleh rakan saya dari Kepong tadi iaitu dalam huraian Fasal 10 yang bertujuan untuk memasukkan Seksyen 150, 151 dan 152.

Seksyen 150 memberi kuasa kepada Menteri atas syor Pendaftar Syarikat mengecualikan mana-mana syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing daripada mematuhi mana-mana peruntukan Akta.

Seksyen 151 mengecualikan sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing daripada kehendak membayar cukai atas keuntungannya

yang boleh dikenakan cukai, jika syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing itu telah membayar suatu fee yang ditentukan kepada Pendaftar Syarikat tidak lewat daripada 31hb Mac suatu tahun kalendar.

Seksyen 152 memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan bahawa sesuatu undang-undang tertentu atau sebahagian daripadanya tidak akan terpakai bagi sesuatu syarikat luar pesisir, syarikat luar pesisir asing, syarikat amanah atau seseorang yang dilesenkan sebagai suatu bank luar pesisir atau syarikat insurans luar pesisir.

Apa yang saya hendak bangkitkan ialah kuasa yang diberi di bawah Seksyen 152(1), dengan izin, saya sebutkan:

"152(1) Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* memerintukkan bahawa mana-mana undang-undang bertulis - saya tekankan, mana-mana undang-undang bertulis - atau sebahagian daripadanya, yang ditentukan di dalam perintah itu, tidak terpakai berhubungan dengan suatu syarikat luar pesisir, syarikat luar pesisir asing, syarikat amanah, atau seseorang yang memegang suatu lesen yang sah yang diberi sama ada di bawah seksyen 6(2) Akta Bank Luar Pesisir 1990, atau seksyen 9(1) Akta Insurans Luar Pesisir 1990, atau akan terpakai baginya dengan apa-apa ubahsuaian yang dinyatakan dalam perintah itu."

Hujah saya ialah seksyen kecil ini memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong mengecualikan mana-mana pemakaian undang-undang bertulis ke atas mana-mana syarikat luar pesisir atau mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta berkenaan. Yang di-Pertuan Agong seperti yang tercatat di

dalam Perlembagaan Negara kita adalah bertindak di atas nasihat Perdana Menteri. Dengan kata lain, di dalam menjalankan kuasa di bawah Seksyen 152 (1) di bawah Akta yang dipinda ini, Yang Di-Pertuan Agong akan bertindak di atas nasihat yang akan diberi oleh Perdana Menteri dan Perdana Menteri sudah tentu daripada keputusan Jemaah Menteri,

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah kuasa yang diberi kepada Menteri ini terlalu luas. Saya beri contoh - mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta berkenaan, atau mana-mana syarikat yang didaftarkan di bawah Akta berkenaan, katakan seorang Ahli Lembaga Pengarahnya melakukan kesalahan pecah amanah di bawah Seksyen 409 Kanun Kesiksaan, misalnya, salahguna kuasa atau mana-mana kesalahan jenayah yang dilakukan oleh syarikat berkenaan atau oleh Ahli Lembaga Pengarahnya atau mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta berkenaan, melakukan satu kesalahan jenayah di Labuan, maka dalam keadaan biasa, kalau kesalahan itu dilakukan di tempat lain di mana-mana tempat di negara kita, sudah tentu melalui proses undang-undang biasa ia akan dituduh di Mahkamah kerana tidak ada kuasa yang menghalangnya. Tetapi di sini, ada berbeza sedikit.

Dengan peruntukan Seksyen 152, satu kuasa mutlak telah diberi kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana pemakaian undang-undang bertulis dan takrif undang-undang bertulis di bawah Perlembagaan kita adalah jelas, ia termasuk mana-mana undang-undang bertulis yang dibuat oleh Parlimen. Ini termasuklah peruntukan Akta Mencegah Rasuah, termasuklah Kanun Kesiksaan atau mana-mana undang-undang lain dan di bawah seksyen ini, Menteri diberi kuasa yang begitu luas untuk mengecualikan mana-mana pemakaian undang-undang bertulis ke atas mana-

mana syarikat, ke atas mana-mana orang perseorangan yang diberikan lesen di bawah Akta berkenaan.

Sudah tentulah apabila kita berkata demikian, Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya dari Arau tadi telah membangkitkan kuasa ini bagus diberi kepada seorang Menteri kerana kita tidak beri kepada seorang pengayuh beca, misalnya, untuk menjalankan kuasa itu. Apa yang kita persoalkan di sini ialah sejauhmana jaminan yang boleh diberikan oleh Menteri berkenaan bahawa peruntukan di bawah Seksyen 152 (1) ini tidak disalahgunakan. Saya hendak tekankan di sini ialah kuasa ini diberi kepada orang perseorangan. Orang perseorangan seperti yang pernah kita lihat di dalam negara kita, sebagai manusia sudah tentu akan banyak membuat kesilapan. Ini yang kita persoalkan. Mengapa kita harus memberi kuasa kepada orang perseorangan, seolah-olah Menteri berkenaan diberi kuasa Parlimen ini, Tuan Yang di-Pertua. Sedangkan di dalam Parlimen ini kita bertindak seramai 180 orang Ahli Parlimen sebelum sesuatu undang-undang itu diluluskan,

Tetapi dengan menggunakan Seksyen 152, seorang Menteri tanpa melalui proses undang-undang di Jalui Dewan yang mulia ini boleh mengecualikan mana-mana peruntukan pemakaian undang-undang bertulis ke atas mana-mana syarikat. Dengan kata lain, dalam bahasa yang ringkas, di bawah Seksyen 152 ini Menteri mengambilalih kuasa 180 orang Ahli Dewan Rakyat. Ini yang kita persoalkan.

Apakah bentuk jaminan yang boleh diberikan oleh Menteri berkenaan untuk mengatakan bahawa tidak akan ada penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Tambah-tambah lagi, dengan penuh hormat saya katakan bahawa Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Labuan ialah bekas Menteri

Kewangan dan Ahli Yang Berhormat dari Merbok yang selama ini banyak dipertikaikan. Bukan saya hendak menuduh bahawa penyelewengan telah berlaku, tetapi dengan keadaan latar-belakang yang sedia ada, sudah tentu akan menimbulkan suatu tanggapan yang boleh menjejaskan suasana dalam keadaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih baik dan lebih wajar kalau kuasa yang sebesar ini diberi kepada satu Jawatankuasa, bukan kepada orang perseorangan, misalnya seorang Menteri. Kita boleh memperuntukkan di bawah Akta berkenaan dengan memperuntukkan supaya kuasa ini diberi kepada satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh seorang dan beberapa orang lain. Baharulah kuasa yang ada di bawah Seksyen 152 ini dapat disemak. Tetapi kalau orang perseorangan bertindak dan manusia tidak akan lepas daripada membuat kesilapan, manusia tetap ada keinginan sendiri, perasaan tamak, perasaan haloba, hasad dengki, balas dendam dan sebagainya, tidak boleh lari daripada hakikat ini. Oleh yang demikian, memperuntukkan kuasa kepada seorang Menteri pada saya adalah tidak munasabah, tidak logik dan tidak kena pada tempatnya dan boteh mendedahkan keadaan di Pulau Labuan itu kepada satu penyelewengan.

Seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya beri contoh, cuba kita bayangkan bahawa seorang peniaga melakukan kesalahan jenayah di Labuan, pecah amanah jenayah misalnya, yang jelas di bawah undang-undang negara adalah satu kesalahan dan katalah orang yang berkenaan adalah sahabat rapat kepada Menteri berkenaan, maka Menteri berkenaan boleh menggunakan kuasa di bawah Seksyen 152 mengecualikan pemakaian peruntukan Seksyen 409 di bawah Kanun Kesiksaan daripada terpakai ke atas rakannya tadi. Maka rakannya ini akan terlepas daripada

perbuatan jenayah. Ini yang saya timbulkan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dalam perkara-perkara seperti ini bukan sahaja undang-undang seperti ini, tetapi perbuatan mana-mana undang-undang memberi kuasa kepada seorang Menteri atau kepada seorang manusia untuk bertindak dalam suatu bentuk kuasa yang luas sudah tentu akan terdedah kepada penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak bangkitkan ialah di bawah Fasal 10 yang sama iaitu Seksyen 150 yang memberi kuasa kepada Menteri atas syor Pendaftar Syarikat mengecualikan mana-mana syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing daripada mematuhi mana-mana peruntukan Akta. Ini satu lagi perkara di mana peruntukan Akta ini tidak terpakai kepada semua syarikat secara automatik. Ini yang saya hendak tekankan di dalam Akta yang sedang dibentang di hadapan kita ini iaitu tidak semua pemakaian di bawah seksyen ini akan berjalan secara automatik, secara equal, dengan izin, secara sama rata ke atas semua orang. Kerana peruntukan-peruntukan ini adalah tertakluk kepada kuasa Seksyen 150 yang memberi kuasa kepada Menteri atas syor Pendaftar Syarikat mengecualikan mana-mana syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing daripada mematuhi mana-mana peruntukan Akta.

Dengan kata lain, pemakaian peruntukan di dalam keseluruhan Akta adalah tidak automatik. Menteri boleh atas syor Pendaftar Syarikat yang kita tahu bahawa Pendaftar Syarikat sekarang ini adalah seorang penjawat awam yang sudah tentu di dalam menjalankan tugas-tugasnya akan banyak dipengarui oleh orang-orang politik atau Menteri berkenaan. Jadi, dengan menggunakan kuasa yang begitu luas di bawah Seksyen 150 ini, Menteri berkenaan bukan sahaja boleh mengecualikan pemakaian undang-undang bertulis lain tetapi boleh

mengecualikan pemakaian Akta ini sendiri. Dengan kata lain, kita seolah-olah memberi kuasa kepada Menteri senapang yang mempunyai dua bairel, kita boleh tembak di sebelah atas atau boleh tembak di sebelah bawah.

Dia boleh menggunakan kuasa ini untuk mengecualikan pemakaian Seksyen ini atau lebih luas lagi dia boleh gunakan kuasa dia di bawah apa yang saya hujahkan tadi untuk mengecualikan pemakaian mana-mana undang-undang bertulis.

Sekali lagi di bawah perkara yang sama, apa yang hendak kita mempersoalkan sekarang ini sudah nampak secara langsung bahawa melalui seksyen ini penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan tetap akan berlaku. Kalau tidak berlaku sekalipun, suasana was-was akan timbul daripada pemakaian kepada dua seksyen yang saya sebutkan tadi. Apalah salahnya kalau kuasa yang sedemikian besar diberi kepada suatu jawatankuasa yang terdiri daripada beberapa orang yang secara rasional boleh membuat keputusan setelah berbincang dengan ahli-ahli jawatankuasa berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah selama ini undang-undang di negara kita banyak memberi kuasa kepada mana-mana menteri, bukan sahaja undang-undang ini - banyak. Di bawah undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen negara kita ini, oleh Dewan yang mulia ini telah banyak memberi kuasa kepada mana-mana menteri - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga diberi kuasa di bawah Akta Perihal Dagangan untuk membuat peraturan dan sebagainya. Itu sekadar membuat peraturan, tetapi apa yang kita dibangkitkan di bawah seksyen ini ialah memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan pemakaian mana-mana peruntukan Akta dan pemakaian mana-mana undang-undang bertulis. Ini yang kita persoalkan, kerana ini

kuasa yang besar seperti yang saya hujahkan tadi. Kuasa ini biasanya diberi kepada Parlimen dan di Parlimen kita membuat keputusan di Dewan Rakyat, di Dewan Negara kemudian ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong, keputusan 180 Ahli Dewan Rakyat, naik ke Dewan Negara dan Yang di-Pertuan Agong. Tetapi semua kuasa Parlimen ini sekarang telah diambilalih oleh seorang manusia iaitu seorang Menteri. Ini yang kita bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya berharap perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi akan mendapat jawapan dan penjelasan yang sepuh-penuhnya daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Terima kasih,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Wakil Kementerian diminta menjawab.

4.33 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 1991 yang saya bentangkan pada 21hb Oktober yang lalu.

Saya juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada pandangan-pandangan, teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang diberikan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya mohon izin untuk menjelaskan dan menjawab beberapa isu-isu, soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang

Berhormat dari Labuan dan Kepong yang menyarankan agar Kerajaan dapat merancang dan mewujudkan institusi yang boleh memberikan latihan kepada penduduk-penduduk tempatan terutamanya dalam bidang pengurusan profesional dan separuh profesional. Sebenarnya, insentif-insentif dalam bentuk pengecualian cukai pendapatan telah disediakan oleh Kerajaan untuk tujuan tersebut bagi kemajuan Labuan sebagai suatu IOFC. Jadi, terpulanglah kepada badan-badan swasta dan perseorangan untuk mengambil peluang-peluang tersebut.

Begitu juga dengan pemberian tender-tender untuk projek-projek pembangunan infrastruktur di Labuan. Apa yang penting sekarang ini, untuk membangunkan Labuan yang berkesan dan berjaya ialah mempercepatkan projek-projek infrastruktur dan prasarana yang diperlukan di Labuan. Ini termasuklah hospital, sekolah-sekolah, hotel dan pusat kewangan atau banking financial centre, dengan izm, serta alat-alat telekomunikasi yang canggih sebagaimana yang terdapat di lain-lain IOFC.

Semua projek-projek ini perlu disegera dan dipercepatkan. Sebuah syarikat tempatan telah....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat sebutkan setakat ini peratusan projek-projek infrastruktur, prasarana ini telah disiapkan di Labuan dan apakah jumlah ataupun amaun yang digunakan untuk projek-projek yang telahpun disiapkan dan untuk tahun hadapan berapakah amaun yang diperuntukkan bagi infrastruktur atau prasarana yang dimaksudkan itu?

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong adalah untuk meminta maklumat yang begitu detil, mungkin saya boleh memberi jawapan secara bertulis, kerana saya tidak ada maklumat yang tepat untuk memberikan penerangan yang dipohon.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bukan saya hendak minta begitu detil mengenai butiran-butiran dan selanjutnya, cuma saya hendak tahu mungkin Yang Berhormat tahu umpamanya 50% lagi telah disiapkan untuk maksud tersebut iaitu secara kasar sahaja. Itulah yang saya minta. Kalau secara teliti dengan butiran itu, saya boleh terima secara bertulis.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah jawab dan jelaskan bahawa saya boleh memberikan jawapan secara bertulis berkenaan apa yang telah ditanya oleh Yang Berhormat dari Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuan mempersoalkan kenapa Kerajaan tidak membenarkan atau menggalakkan syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan mengeluarkan bearer shares, dengan izin, berbeza dengan lain-lain IOFC yang telah maju dan berjaya. Ini adalah kerana Kerajaan ingin melihat Labuan benar-benar berfungsi sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa yang sihat dan berkembang. Jika bearer shares dibenarkan, sukar bagi Kerajaan untuk mengawal atau mengawasi perkembangan dan kemajuan Labuan IOFC yang bersih seperti diharapkan. Bearer shares akan menggalakkan pertumbuhan atau perkembangan syarikat-syarikat luar pesisir yang tidak diketahui siapakah pemilik atau tuan punya sebenar syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, tanpa

membenarkan syarikat-syarikat luar pesisir mengeluarkan bearer shares, masih terdapat pusat-pusat kewangan yang serupa yang maju dan terkenal. Mengenai isu pengecualian cukai...

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun,

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu, sekarang tiada kouram.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Setiausaha, sila bilang. Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, 46 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 46 - cukup kuorum. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila teruskan.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pengecualian cukai seperti dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, Nilam Puri dan Arau, sebenarnya sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dalam ucapannya pada 24hb Oktober semasa beliau membentangkan Rang Undang-Undang Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1991 atau, dengan izin, LOBAT, dengan pengenalan subseksyen 10A Akta LOBAT dan pengenalan Seksyen 151 Akta Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 1991 ini, syarikat-syarikat luar pesisir akan diberi pilihan tambahan sama ada membayar cukai tahunan 3% atau cukai tahunan sejumlah \$20,000 kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri atau membayar fee tahunan \$20,000 kepada

Pendaftar Syarikat. Jika mereka memilih membayar \$20,000 sebagai fee kepada Pendaftar Syarikat, mereka tidak akan dikenakan cukai tahunan yang berjumlah \$20,000 itu.

Pada tahun-tahun berikutnya, mereka boleh memilih lagi sama ada membayar cukai \$20,000 kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri atau membayar fee sejumlah \$20,000 kepada Pendaftar Syarikat. Jadi di sini, soal pengecualian cukai tidaklah timbul kerana hasil \$20,000 yang dikutip oleh Kerajaan adalah sama dan ianya akan juga terus dimasukkan dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai mengapa pindaan ini perlu dibuat kerana banyak syarikat bahkan kelebihan syarikat-syarikat insurans melabur di Labuan kerana liberal regulatory regimennya, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Suka saya menjelaskan bahawa sejak Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, (Akta ibu), dikuatkuasakan hanya sebuah syarikat insurans sahaja iaitu MNI Off-shore Insurance Company (Labuan) Ltd telah diperbadankan. Oleh yang demikian, kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa terdapat banyak syarikat-syarikat insurans yang telah melabur di Labuan kerana ianya mempunyai regime peraturan yang liberal adalah tidak benar.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong antara lain telah menyatakan....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan sama ada dengan diberi pengecualian pembayaran cukai dengan

hanya membayar fee sahaja iaitu sebanyak \$20,000, ini bermakna kita tidak dapatlah kutip wang dengan lebih banyak. Kalau syarikat itu membawa berbilion-bilion ringgit pun, cuma \$20,000 sahaja yang kita kutip. Walau bagaimanapun, dengan adanya syarat atau fasal yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, adakah ini akan menjamin lebih banyak syarikat akan mendaftar di Labuan ataupun menceburi di dalam bidang pelaburan di Labuan?

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, memang dengan pindaan ini yang telah dilulus ketika Dewan yang mulia ini meluluskan Rang Undang-undang Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1991 atau LOBAT, maka adalah diharapkan bahawa ini akan diterima sebagai satu langkah yang boleh melicinkan pentadbiran syarikat-syarikat luar pesisir.

Pada asasnya, kemudahan yang telah diberikan ini adalah merupakan sebagai kemudahan tambahan. Maka pada masa sekarang, syarikat-syarikat luar pesisir juga telah diberi kemudahan untuk memilih sama ada mereka hendak membayar cukai dengan kadar 3% atau membayar cukai tahunan sejumlah maksimumnya \$20,000 kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Apa yang dicadangkan di sini ialah syarikat-syarikat luar pesisir ini diberi pilihan tambahan. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya nyatakan tadi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong antara lain telah menyatakan rasa bimbangannya bahawa Labuan digunakan sebagai satu pusat pembersihan wang kotor atau, dengan izin, money laundering centre, dengan adanya pindaan ini.

Suka saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sebelum pihak berkuasa yang dipertanggungjawabkan menerima sesebuah syarikat luar

pesisir untuk beroperasi di Labuan, penelitian yang ketat atau, dengan izin, stringent checks akan dikenakan untuk memastikan bahawa Labuan akan berkembang sebagai IOFC yang bersih. Dengan penelitian yang ketat dan juga dengan dasar hanya membenarkan kemasukan bank-bank, syarikat-syarikat insurans dan lain-lain yang mempunyai, dengan izin, high international standing and repute untuk beroperasi di Labuan, tentu sekali mereka yang disangka terlibat dalam aktiviti-aktiviti haram seperti pembersihan wang kotor tidak akan dapat masuk beroperasi di Labuan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sedarkah Yang Berhormat bahawa di Switzerland yang mempunyai bertahun-tahun pengalaman di dalam IOFC ini di mana dari masa ke semasa ada orang-orang seperti mendiang Marcos yang telah melaburkan wangnya di bank-bank di Switzerland. Setakat ini bank-bank di Switzerland ada hadnya sekarang, di mana pihak negara Filipina misalnya boleh menuntut wang yang dilaburkan oleh Marcos kalau ada criminal proceedings terhadapnya. Dari apa yang kita baca dalam suratkhobar, pihak Kerajaan Filipina telahpun mengemukakan satu prosiding di Switzerland. Kita tidak boleh tahu, mungkin ada pemimpin di luar Malaysia yang hendak melabur di Labuan. Macam mana kita tahu sekiranya wang yang didapati itu melalui saluran yang sah? Kita tidak tahu. Kalau didapati wang seseorang pemimpin ataupun banker yang melabur di Labuan adalah kotor, bagaimanakah kita buat? Atau pun, akankah kita hantarkan wang ini kepada negaranya yang asal? Adakah kita akan adakan undang-undang yang lain untuk menyelesaikan masalah seperti ini?

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tidak ada

kaitan secara langsung dengan apa yang dibahaskan di sini. Hanya saya boleh menyatakan bahawa tujuan Kerajaan ialah untuk membangunkan Labuan sebagai satu IOFC yang sihat dan bersih. Itu memang menjadi matlamat dan objektif kita. Jadi, dengan objektif yang ada seperti ini, maka kita akan mengambil langkah-langkah yang sesuai dan wajar untuk mencapai matlamat tersebut. Itu tindakan yang kita boleh kawal dan yang kita boleh buat. Dari segi tindakan untuk mengawalinya, jelaslah bahawa tindakan yang diambil adalah stringent check pada awalnya supaya kita dengan seboleh-bolchnya memastikan bahawa hanya bank-bank, syarikat-syarikat insurans dan lain-lain yang mempunyai high international standing repute, dengan izin, boleh beroperasi di Labuan. Itu menjadi matlamat kita.

Tambahan juga bank-bank luar pesisir di Labuan adalah dilarang membuka akaun bagi pelanggan-pelanggan yang identitinya tidak diketahui. Di samping itu, syarikat-syarikat amanah sebelum mencrima pelanggan mereka, diwajibkan untuk membuat pertanyaan sewajarnya mengenai latarbelakang pelanggannya sebelum menerima pelanggan itu dan dipertanggungjawabkan melaporkan kepada pihak berkuasa yang tertentu jika ia mengetahui seseorang pelanggan telah terlibat di dalam sebarang aktiviti yang salah dari segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bentuk kawalan untuk menentukan kecairan dalam negara tidak...

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Labuan bangun.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa untuk memastikan pelanggan-pelanggan, ianya bergantung kepada vetting yang dibuat oleh syarikat-syarikat amanah. Saya ingin tahu bagaimanakah pihak Pendaftar Syarikat rantau boleh mengetahui sama ada pelanggan kepada sebuah syarikat trust ini mempunyai kredibiliti yang tinggi atau mempunyai identiti sebelum ianya dapat diterima.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nyatakan atau maksudkan ialah sebelum syarikat-syarikat amanah menerima pelanggan-pelanggannya, syarikat-syarikat amanah ini diwajibkan untuk membuat pertanyaan sewajarnya dan inipun telah ada peruntukan di bawah Labuan Trust Company Act yang mewajibkan syarikat-syarikat amanah untuk membuat pertanyaan sewajarnya mengenai latarbelakang pelanggannya dan melalui pertanyaan-pertanyaan dan maklumat latarbelakang pelanggannya, maka mereka boleh mengenalpasti bahawa pelanggan-pelanggan mereka ini adalah mereka yang diinginkan. Syarikat-syarikat amanah juga di-pertanggungjawabkan untuk melaporkan kepada pihak berkuasa yang tertentu jika mereka mengetahui sesuatu pelanggan telah terlibat di dalam sebarang aktiviti yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bentuk kawalan untuk menentukan kecairan dalam negara tidak terganggu akibat daripada membenarkan bank-bank luar pesisir meminjam atau memberi pinjaman wang kepada pemastautin Malaysia seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan, Kepong dan Arau, ingin saya menyatakan di sini bahawa pada masa sekarang pemastautin Malaysia adalah dibenarkan oleh Akta Kawalan

Pertukaran 1953 dan Seksyen 7(3) Akta Syarikat Luar Pesisir, untuk meminjam dari atau menandatangani wang dalam matawang lain dari Ringgit dengan sesebuah bank luar pesisir tertakluk kepada kawalan pertukaran yang ditentukan di dalam notis-notis berkaitan yang dikenali sebagai Exchange Control Malaysia 16 (ECM 16).

Pindaan kepada seksyen 29 adalah hanya untuk mengeneipkan ketidakselarasan di antara seksyen yang melarang sesebuah bank luar pesisir daripada menerima deposit dari atau meminjam wang daripada pemastautin Malaysia dan amalan pada masa ini kerana hasrat perundangan luar pesisir bukanlah untuk menghalang pemastautin dari berurusan dengan bank-bank luar pesisir. Syarat dan larangan yang dikenakan ke atas urusan pemastautin-pemastautin dengan syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan dan dengan tempat-tempat lain di dunia adalah bagi membolehkan Bank Negara mengawasi aliran masuk dan keluar dana. Contohnya, seseorang pemastautin yang menandatangani wang dengan sesebuah bank luar pesisir tidak boleh mendapatkan kemudahan kredit dari punca-punca lain di Malaysia.

Untuk menggalakkan pertumbuhan Labuan, pemastautin diberi kebenaran untuk menjadikan Labuan sebagai punca kewangan tetapi kebenaran itu mestilah diawasi dengan teliti. Sungguhpun seorang pemastautin boleh meminjam dari punca luar pesisir dalam matawang asing hingga tahap sejumlah wang yang sama nilai bersamaan dengan \$1 juta tanpa memperolehi kebenaran daripada pengawal pertukaran asing, akan tetapi beliau adalah dikehendaki melaporkan kepada pengawal butir-butirnya jika beliau meminjam lebih daripada \$200,000 matawang asing. Bagi pinjaman matawang asing yang melebihi \$1 juta, kelulusan spesifik

pengawal adalah diperlukan. Dalam hubungan ini, untuk tujuan membangunkan Labuan, pemastautin-pemastautin akan digalakkan untuk meminjam dari bank-bank luar pesisir di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Arau telahpun menyentuh tentang kesan kepada industri bank tempatan jika bank luar pesisir dibenarkan meminjam dan memberi pinjaman kepada pemastautin lanjutan daripada pindaan seksyen 29 ini dan juga bank luar pesisir boleh mengenakan base lending rate (BLR), dengan izin, dengan sewenang-wenangnya untuk bertanding dengan bank tempatan.

Suka saya menjelaskan bahawa sebelum Labuan diisytiharkan sebagai IOFC terdapat pemastautin Malaysia yang telah mendeposit wang atau meminjam wang daripada institusi-institusi kewangan di luar negara termasuk institusi-institusi kewangan di IOFC yang lain. Tujuan membenarkan pemastautin Malaysia untuk mengurusniaga dengan bank luar pesisir ialah untuk menarik balik perniagaan-perniagaan seperti yang disebutkan dari luar negeri supaya tertumpu di Labuan.

Langkah-langkah juga telah ditetapkan untuk mengelakkan persaingan di antara bank-bank luar pesisir dan bank-bank tempatan dengan mengenakan larangan ke atas bank-bank luar pesisir daripada melibatkan diri dengan transaksi pertukaran asing dengan atau bagi pihak pemastautin melainkan dengan bank tempatan atau menerima deposit atau memberi pinjaman di dalam ringgit.

Mengenai sesuatu bank luar pesisir tidak dikehendaki menyatakan sesuatu Base Lending Rate tidak bermakna ia akan menetapkan Base Lending Ratenya di sesuatu tahap yang lebih rendah. Base Lending Rate mem-

bayangkan kos dana sesebuah bank itu dan merupakan suatu kadar yang dinyatakan oleh bank kepada pelanggannya yang dipilih, memberi pinjaman di bawah kos ini akan merugikan bank. Begitu juga dengan sesuatu bank luar pesisir di mana memberi pinjaman di bawah kos dana akan menyebabkan kerugian dari pinjaman tersebut.

Jadi, kos dana sesebuah bank luar pesisir tidak mungkin lebih rendah dari bank tempatan, kebaikan kepada sesuatu bank tempatan untuk mendapatkan dana dari operasi luar pesisir....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat itu memberi penerangan yang lebih lanjut lagi mengenai Base Lending Rate (BLR) itu dan mengenai kos dana yang disebutkan bahawa pihak bank asing yang melabur di Labuan itu tidak akan menjadikan kos dana kepada tahap yang lebih rendah. Apakah fakta-fakta yang diperolehi, yang menunjukkan pihak bank-bank asing akan berbuat demikian kerana mereka tidak payah bayar cukai, mereka boleh menggunakan kemudahan-kemudahan yang tidak dapat dinikmati oleh bank-bank tempatan kecuali yang masuk ke Labuan.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nyatakan ialah bukan Base Lending Rate yang berkenaan itu tidak boleh dijadikan lebih rendah, apa yang saya nyatakan ialah sesuatu Base Lending Ratenya membayangkan kos dana atau cost of funds sesebuah bank itu dan merupakan suatu kadar yang dinyatakan oleh bank kepada pelanggannya yang dipilih.

Jadi, Base Lending Rate yang akan ditawarkan oleh sesebuah bank, misalnya bank luar pesisir, adalah terpulang balik kepada bank atau, dengan izin, will be at the discretion of the bank concerned.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Labuan, Kepong dan Arau dan juga Kok Lanas juga menyentuh tentang sama ada pembatalan keperluan bagi menyatakan struktur pegangan saham di dalatn sebuah bank dan syarikat insurans luar pesisir juga menghapuskan keperluan untuk mendapatkan kelulusan dari Bank Negara terlebih dahulu untuk mendaftarkan sebuah bank atau syarikat insurans luar pesisir.

Ingin saya menjelaskan di sini bahawa cadangan pindaan kepada Seksyen 6 Akta ini hanya membenarkan bank dan syarikat insurans tempatan atau bank dan syarikat insurans Malaysia untuk memiliki saham di dalatn sesebuah syarikat luar pesisir tanpa menyebut struktur pegangan saham dibandingkan dengan kehendak sekarang yang memerlukan mereka memiliki lebih daripada 50% saham dalam syarikat itu.

Namun begitu, kelulusan lesen untuk sesebuah bank luar pesisir atau syarikat insurans luar pesisir masih tertakluk kepada kelulusan Bank Negara di bawah kaedah-kaedah Akta Bank Luar Pesisir dan juga Akta Insurans Luar Pesisir, dan tidak akan dilonggarkan dengan pindaan ini.

Suka saya menjelaskan di sini juga walaupun struktur pegangan saham tidak memerlukan kelulusan Bank Negara Malaysia akan tetapi untuk memastikan hanya bank dan syarikat insurans luar pesisir yang sihat beroperasi di Labuan, Bank Negara Malaysia perlu juga mengetahui siapa pemegang-pemegang sahamnya sebelum memberi kelulusan kepada

sesebuah bank atau syarikat insurans luar pesisir. Tambahan pula, Bank Negara menghendaki pemegang saham yang memegang lebih daripada 10% di dalam bank luar pesisir atau insurans luar pesisir, modal berbayar dinyatakan kepadanya dan juga apa-apa perubahan selepas itu.

Tuan Yang di-Pertua...

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai syarikat-syarikat insurans luar pesisir yang pada mulanya memberitahu Bank Negara mengenai pemegang-pemegang syer dan sebagainya dan kemudian apabila mendaftarkan di Labuan, mereka boleh adakan pemegang-pemegang syer yang lain (mungkin di dalam nama-nama berlainan) yang kurang daripada 10% untuk mengelakkan daripada syarat memberitahu kepada Bank Negara. Dan ini boleh berlaku dengan tidak perlu menyatakan struktur pegangan syer.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 6, di Fasal 2 Akta ini, akan membenarkan bank dan syarikat insurans tempatan untuk memiliki saham di dalam sebuah syarikat luar pesisir tanpa menyebutkan struktur pegangan saham dibandingkan dengan kehendak-kehendak yang ada sekarang.

Tetapi apa yang saya telah lerangkan, sebagai tambahan pula, bahawa Bank Negara menghendaki pemegang saham yang memegang lebih dari 10% - 10% ini dianggap sebagai satu kadar yang wajar di dalam syarikat insurans luar pesisir - modal yang berbayar dinyatakan kepadanya. Dan

kalau ada apa-apa juga perubahan selepas itu, syarikat insurans luar pesisir tersebut diwajibkan untuk membuat laporan kepada Bank Negara. Jadi, saya percaya inipun telah mencukupi untuk pihak Bank Negara mengawalselia aktiviti-aktiviti bank-bank luar pesisir dari segi pegangan sahamnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kebimbangan tentang pengecualian yang diberikan kepada syarikat-syarikat luar pesisir dari melantik juruaudit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Labuan dan Kepong, ingin saya jelaskan di sini bahawa pengecualian tersebut hanya dibicarakan kepada syarikat-syarikat luar pesisir, pertama, bukan merupakan sebuah bank luar pesisir atau syarikat insurans luar pesisir, atau kedua, sebuah syarikat luar pesisir yang mempelawa orang awam mendeposit wang atau meminjam wang kepadanya. Ini bermakna syarikat-syarikat luar pesisir yang mempunyai ramai pemegang syer atau yang ada hubungan dengan orang awam tidak layak menikmati pengecualian ini.

Walau bagaimanapun, pengecualian ini masih juga tertakluk kepada kelulusan mesyuarat ahli-ahli syarikat yang berkenaan. Dengan hal yang demikian, kepentingan pemegang syer tetap terjaga.

Kita percaya pengecualian tersebut tidak akan menjejaskan sistem audit di Malaysia kerana kebanyakan syarikat-syarikat luar pesisir yang layak untuk pengecualian adalah dimiliki oleh syarikat-syarikat antarabangsa atau multinational corporations, dengan izin, ataupun dimiliki persendirian. Sungguhpun Akta Syarikat Luar Pesisir memberi pengecualian dari melantik juruaudit kepada sesebuah syarikat luar pesisir yang dimiliki oleh sebuah syarikat antarabangsa, tetapi adalah dipercayai audit masih dijalankan terhadap akaun-akaun syarikat luar

pesisir itu kerana kehendak undang-undang tempat asal syarikat antarabangsa itu.

Tuan Yang di-Pertua....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tadi kenyataan Yang Berhormat tidak begitu jelas, tidak dapat mempertahankan mengenai audit dafaman itu. Kalau negara-negara asal mereka tidak begitu ketat mengenai audit dalaman yang begitu penting untuk negara seperti Malaysia yang akan menjadi negara maju, maka apakah tindakan akan dibuat? Misalnya daripada negara yang tidak begitu mementingkan audit dalaman. Apakah tindakan dan langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan, kerana di dalam undang-undang ini tidak mempunyai peruntukan untuk mengambil tindakan?

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjamin kepentingan orang awam, seperti saya nyatakan, kelonggaran diberi atau pengecualian untuk melantik juruaudit hanya diberikan kepada syarikat-syarikat luar pesisir yang bukan merupakan sebuah bank luar pesisir atau syarikat insurans luar pesisir atau sesebuah syahkat luar pesisir yang mempelawa orang awam mendeposit wang atau meminjam wang kepadanya.

Yang kedua, pengecualian ini masih juga tertakluk kepada kelulusan mesyuarat ahli-ahli syarikat berkenaan, iaitu bagi syarikat-syarikat yang merupakan syarikat-syarikat antarabangsa, khususnya multinational corporations, maka memanglah seperti saya nyatakan, syarikat-syarikat atau corporations mereka ini pun telah

menjalankan kerja audit mereka sendiri. Bagi syarikat-syarikat yang lain yang akan memilih untuk mendapatkan pengecualian ini, maka mereka harus mendapatkan kelulusan mesyuarat ahli-ahli syarikat berkenaan. Bagi syarikat-syarikat lain yang kebanyakannya dimiliki secara persendirian, seperti ada didapati di personal investment companies atau asset holding companies, dengan izin, yang mana syarikat itu adalah merupakan sebagai syarikat dimiliki oleh persendirian maka....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pengkalan Chepa bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kuorum. Setiausaha, tolong bilang. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, 40 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 40 orang, cukup kuorum. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya terjejas sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya nyatakan pengecualian untuk melantik juruaudit masih juga, tertakluk kepada kelulusan mesyuarat ahli-ahli syarikat berkenaan. Jadi inipun di antara keperluannya yang akan menjamin bahawa ahli-ahli syarikat yang berkenaan dapat peluang untuk memilih sama ada hendak atau tidak hendak melantik juruaudit bagi syarikat mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas ingin tahu sama ada Kerajaan akan menetapkan had atau bilangan syarikat-syarikat luar pesisir yang akan menubuhkan syarikat mereka di Labuan IOFC. Sebenarnya tidak ada had atau limit yang akan ditentukan. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan bersikap lebih berhati-hati dalam membenarkan syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan IOFC terutamanya syarikat-syarikat yang akan menjalankan aktiviti bank dan insurans luar pesisir.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kebimbangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri mengenai pegangan syer, jika dirahsiakan atau tidak perlu diisytiharkan Labuan akan dijadikan sarang mereka yang terlibat dengan berbagai kegiatan menyimpan yang mereka atau skandal, telahpun saya huraikan untuk menjawab hujah-hujah ini apabila saya menjawab hujah-hujah dari Ahli-ahli dari Labuan dan Kepong tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu dua perkara yang ialah dibangkitkan lagi iaitu pertanyaan dari Yang Berhormat dari Arau berkenaan bilangan syarikat luar pesisir yang telah ditubuhkan sekarang, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa jumlah syarikat yang telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir pada masa sekarang adalah sebanyak 29 buah, iaitu Bank Luar Pesisir 5 buah, Syarikat Pegangan Harta 5, Syarikat Pegangan Pelaburan 10, Syarikat Perdagangan 7, Syarikat Perunding 1 dan Syarikat Insurans 1.

*(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)*

Berkenaan masa yang diambil untuk mendaftarkan sebuah syarikat luar pesisir dan keperluan untuk membolehkan setiap mereka untuk

mewujudkan self companies, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Pejabat Pendaftar Syarikat di Labuan telah menunjukkan keupayaannya untuk menjalankan tugas ini dengan begitu cekap. Jadi, pada masa sekarang proses untuk mendaftar satu syarikat luar pesisir hanya mengambil masa satu hari sahaja ataupun selewat-lewatnya 2 hari. Jadi, dengan pendaftaran begitu cepat, mungkin tidak ada perlunya untuk sesiapa menubuhkan self companies.

Berkenaan pindaan atau memperkenalkan seksyen baru iaitu 150, 151, 152(1) yang mana peruntukan baru ini akan rmemberikan, pertama, Seksyen 150 akan memberikan kuasa kepada Menteri atas syor Pendaftar. Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa kuasa Menteri di bawah seksyen baru 150 ini akan hanya digunakan bagi permohonan untuk pengecualian yang melibatkan perkara-perkara teknikal sahaja. Saya ingin meyakinkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dalam memberi pengecualian, Kerajaan tidak akan bertolak-ansur dengan cita-cita Kerajaan untuk membangunkan Labuan sebagai IOFC yang berkembang dan sihat.

Jadi, di sini saya ingin menjelaskan juga khususnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas bahawa kuasa yang diberikan kepada Menteri mengikut Seksyen 150 hanya ada kaitan dengan Akta ini sahaja dan tidak ada kaitan seperti yang diujahkan oleh Ahli Yang Berhormat atau tidak ada kaitan langsung dengan apa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 152(1) yang mana Seksyen 152(1) memberikan kuasa itu di bawah Seksyen 152(1) hanya kepada Yang di-Pertuan Agong. Dan Yang di-Pertuan Agong memang seperti yang....

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamad: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kok Lanas bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun tidak faham apa yang saya cakapkan tadi. Yang saya cakapkan tadi, ada dua perkara yang berbeza. Yang saya cakapkan tadi; pertamanya lalah di bawah Perkara 150 yang memberi kuasa kepada Menteri atas syor Pendaftar untuk mengecualikan mana-mana syarikat luar pesisir daripada mematuhi mana-mana peruntukan Akta, itu yang perlahan.

Yang kedua, yang saya bangkitkan ialah Perkara 152(1), iaitu kuasa yang diberi kepada Yang di-Pertuan Agong dan saya katakan tadi di bawah Perlembagaan Negara, bertindak atas nasihat daripada Menteri untuk mengecualikan, memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana peruntukan undang-undang bertulis. Ada dua perkara di situ; satu mengenai pemakaian Akta. Akta ini tidak menyebut bahawa kuasa Menteri di bawah Perkara 150 untuk mengecualikan peruntukan Akta, hanya perkara-perkara teknikal.

Tidak ada peruntukan bahawa Perkara 150 hanya menghadkan kuasa Menteri untuk mengecualikan peruntukan Akta tentang perkara-perkara yang teknikal. Tetapi Seksyen 150 jelas menyebut memberikan kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan semua peruntukan Akta atau mana-mana bahagian daripada peruntukan Akta. Tidak ada disebut bahawa untuk sesuatu perkara yang teknikal sahaja. Ini yang saya bangkitkan tadi. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab secara berasingan dua persoalan yang saya bangkitkan.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas sememang sedar

tentang perbezaan keduanya, saya pun menyatakan bahawa itu terang, tidak perlu apa-apa kekeliruan. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Penerangan.

Dr Sak Cheng Lum: Saya bukan menyatakan ada sitap faham. Kalau ada silap dengar mungkin, tetapi apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas tadi mungkin itu apa yang saya fahamkan dan apa yang saya fahamkan saya mesti terangkan, tetapi kalau silap faham, itu cerila lain, atau cakap lain - itu lain sedikit. Tetapi apa yang saya menyatakan di bawah Seksyen 150 iaitu kuasa diberi kepada Menteri akan hanya digunakan. Ini menyatakan "akan hanya digunakan" bagi permohonan untuk pengecualian yang melibatkan perkara-perkara teknikal sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Nampaknya di dalam Rang Undang-undang ini memang tidak ada disebutkan semua kuasa yang diberi kepada Menteri. Ini terhad kepada masalah teknik sahaja, tidak langsung. Yang kedua, adakah Yang Berhormat sedia mempertimbangkan keperluan untuk mengadakan satu Lembaga yang dianggotai oleh orang-orang yang berkecuali, yang bebas, merdeka untuk membuat keputusan sama ada sesebuah syarikat ataupun syarikat insurans boleh dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan undang-undang ini?

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, kuasa ini yang diberikan kepada Menteri, kalau kita bandingkan dengan akta yang lain misalnya, kalau saya boleh sebut sebagai satu contoh, Akta Bank Luar Pesisir di bawah Seksyen

31 juga memberikan kuasa kepada Menteri, minta maaf, saya kena rujuk kepada Akta atau seksyen yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berkenaan dengan perbezaan Seksyen 150 dan Seksyen 152kah yang sekarang ini dibincangkan? Sekiranya Seksyen 150 itu, nampak saya Menteri di atas Seksyen 150 ialah berkenaan dengan dia mengecualikan daripada mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini sahaja tetapi berkenaan dengan kuasa di bawah Seksyen 152 itu, nampaknya peruntukan mana-mana undang-undang yang lain-lain, boleh dikecualikan dan tidak terpakai dan kuasa ini dihadkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Pada Menteri hanya pada akta ini sahaja. Itulah bezanya di antara 150 dan 152.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, itupun saya telah jelaskan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat apa yang Tuan Yang di-Pertua cakapkan tadi. Itu maksud saya tadi iaitu bezakan antara dua kuasa ini. Saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun tidak faham apa benda yang kita sedang bincangkan di depan ini. Tidak bolehkah Menteri datang menjawab? Yang saya bangkitkan tadi dalam ucapan saya ialah saya hendak minta dengan jelas secara tegas, macam mana kuasa ini? Saya tidak mempertikaikan bahawa memang di bawah Seksyen ini, kuasa itu diberi:

- (i) kepada pendaftar untuk mengesyorkan kepada Menteri, untuk mengecualikan peruntukan Akta.

Itu di bawah 150. Satu lagi ialah:

- (ii) kuasa diberi kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengecualikan mana-mana

peruntukan undang-undang bertulis iaitu di bawah Seksyen 152.

Itu dua perkara yang saya bangkitkan.

Yang saya hendak tahu ialah apakah jaminan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa kuasa yang akan digunakan oleh Yang Berhormat Menteri ini tidak disalahgunakan? Apa jaminan yang dapat kita beri sebab ini satu perkara besar yang saya bangkitkan di dalam ucapan saya tadi.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan bahawa jaminan memang diberi bahawa pengecualian ini melibatkan perkara-perkara teknikal sahaja iaitu herkaitan dengan kuasa Menteri. Jadi, 152 yang memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agung maknanya di atas nasihat Perdana Menteri dan juga Kabinet, bukan hanya Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah Yang Berhormat. Masuk kepada perkara lain, ya. Jaminan dia itu, kita ada PAC dan sebagainya.

Dr Sak Cheng Lum: Cadangan untuk mengadakan satu Jawatankuasa ini atas peruntukan 152, memang Jawatankuasa, kalau kita pulang balik kepada Kabinet, itu telah diberi jaminan bahawa Kabinet akan bertindak dengan sewajarnya.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun pula, hendak beri jalan atau tidak?

Dr Sak Cheng Lum: Saya ingat cukuplah. Kalau atas perkara ini pun saya telah jelaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah ya, sila teruskan.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya setakat itulah yang saya telah jawab dan kepada cadangan yang membina, memang Kementerian akan mengambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 Hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.37 *ptg.*

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang (Pindaan) ini ialah untuk meminda Akta Syarikat 1965

bagi membolehkan Pendaftar Syarikat menimbang dan meluluskan sesuatu skim saham pekerja oleh sesuatu syarikat asing di mana skim seperti tersebut akan mendatangkan banyak faedah kepada pekerja-pekerja tempatan di anak-anak syarikat asing di Malaysia.

Akta Syarikat 1965 merupakan satu perundangan yang selalu mengambil-kira perubahan-perubahan dan perkembangan-perkembangan yang berlaku dari masa ke semasa dan oleh hal yang demikian, ia perlu dipinda selaras dengan perkembangan dunia korporat yang semakin sophisticated.

Sebelum ini Akta ini telah dipinda sebanyak enam kali iaitu dalam tahun 1969, 1971, 1985, 1986, 1989 dan akhir sekali pada awal tahun 1991. Semua pindaan-pindaan termasuk juga pindaan yang dicadangkan pada kali ini dibuat dengan mengambil-kira cadangan dan pandangan dari Badan-badan Profesional, Dewan-dewan Perniagaan dan Badan-badan lain agar pindaan yang dibuat akan mendatangkan faedah kepada semua pihak yang terlibat dalam sektor korporat khususnya dan negara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan pindaan kecil yang dicadangkan untuk kali ini. Sesuatu skim saham pekerja ditawarkan oleh sesebuah syarikat kepada pekerja-pekerja dengan tujuan membolehkan pekerja-pekerja bersama-sama menjadi pemegang saham syarikat itu dan menikmati keuntungan yang didapati oleh syarikat itu dan selanjutnya dapat mempertingkatkan lagi produktiviti seseorang pekerja itu. Mengikut Seksyen 37(2)(c) yang ada sekarang, Pendaftar Syarikat hanya mempunyai kuasa untuk menimbang dan meluluskan sesuatu skim saham pekerja yang dimajukan oleh syarikat-syarikat tempatan sahaja.

Dengan kuasa yang ada pada Pendaftar Syarikat, syarikat tempatan adalah dikecualikan dari mendaftar prospectors dengan Pendaftar Syarikat. Pengecualian ini diberi kerana mendaftar sesuatu prospectors memakan masa dan melibatkan perbelanjaan yang agak besar. Di samping itu, pekerja-pekerja syarikat sudah sepatutnya mempunyai pengetahuan mengenai prestasi syarikatnya sendiri dan boleh membuat keputusan yang sewajarnya sama ada untuk menerima tawaran itu ataupun tidak. Sebaliknya, Pendaftar Syarikat tidak mempunyai kuasa di bawah peruntukan yang ada sekarang untuk menimbang sesuatu permohonan seperti itu dari sesebuah syarikat asing. Sementara itu, Pendaftar Syarikat telah menerima beberapa permohonan dari syarikat-syarikat asing yang bertaraf antarabangsa seperti Motorola Incorporated, Welcome International, AB Extra Sweden dan New Zealand Insurance Company Ltd. dan sebagainya yang bercadang menawarkan saham-sahamnya kepada pekerja-pekerja tempatan di anak-anak syarikatnya di Malaysia. Ini bermakna tawaran skim tersebut hanya boleh dilaksanakan dengan menyedia dan mendaftarkan prospectors dengan Pendaftar Syarikat di mana ianya akan memakan masa dan melibatkan perbelanjaan yang agak besar kepada syarikat itu.

Kesan daripada peruntukan itu, pekerja-pekerja tempatan di anak-anak syarikat asing yang lerdapat di Malaysia tidak dapat menikmati faedah daripada skim yang ditawarkan oleh syarikat induknya kepada pekerja-pekerja di anak-anak syarikat di tempat-tempat lain di seluruh dunia. Dengan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen tersebut, Pendaftar Syarikat akan diberi kuasa untuk menimbang dan meluluskan cadangan sesuatu skim saham pekerja oleh

sesebuah syarikat asing. Ini akan memudahkan sesuatu syarikat asing membuat tawaran sahamnya kepada pekerja-pekerja anak syarikatnya di Malaysia tanpa memerlukan penyediaan dan pendaftaran prospectors dengan Pendaftar Syarikat. Dengan itu, pekerja tersebut akan berpeluang menikmati faedah-faedah dari sesuatu skim saham pekerja itu seperti yang dinikmati pekerja-pekerja anak-anak syarikat kepada syarikat asing itu di tempat-tempat lain di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi, pindaan ini adalah dicadangkan bagi membolehkan pekerja-pekerja tempatan kepada sesuatu anak syarikat kepada syarikat asing di Malaysia bersama-sama menjadi pemegang saham kepada syarikat itu dan menikmati keuntungan yang didapati oleh syarikat itu dan seterusnya boleh mmempertingkatkan produktiviti kerja mereka. Ini akan mendatangkan kesan yang baik kepada pekerja-pekerja itu sendiri khususnya dan negara pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

5.45 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat, memang dunia sekarang mempunyai banyak perubahan dan perkembangan terutamanya di dalam sektor korporat

memandangkan sistem totalitarian komunisme pun sudah hancur, yang sepatutnya hancur lebih awal lagi. Walau bagaimanapun, pihak negara kita yang berhasrat, bercita-cita untuk menjadi sebuah negara perindustrian, sebuah negara yang maju yang termoden di dunia adalah saiu hasrat dan cita-cita yang baik yang patut kita berusaha untuk mencapai sekurang-kurangnya bagi generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor yang penting untuk menuju ke arah negara yang moden, yang maju ialah dengan produktiviti. Walaupun di Pusat Produktiviti sekarang, nama Daya Pengeluaran ditukar menjadi Produktiviti, tetapi tingkat atau tahap produktiviti di seluruh negara nampaknya tidak begitu banyak jika dibandingkan dengan cita-cita itu tadi. Sebab itulah, kalau pindaan ini boleh menggalakkan pekerja-pekerja Malaysia mempertingkatkan produktiviti, kami memang mengalu-alukan. Walau bagaimanapun, skim saham pekerja ini pada mulanya pihak Yang Berhormat mengatakan ini hanya untuk syarikat-syarikat asing sahaja, tetapi di dalam Huraian Rang Undang-undang ini jelas mengatakan oleh syarikat-syarikat tempatan dan juga asing. Semua syarikat yang hendak mengadakan skim saham pekerja memang boleh berbuat demikian tanpa prospectors. Adakah ini hanya untuk syarikat asing ataupun untuk semua syarikat yang ada di negara ini?

Keduanya, adakah ini terhad kepada negara ini sahaja ataupun untuk syarikat-syarikat di luar negara ini kerana syarikat multinational atau transnational yang disebut oleh Yang Berhormat itu. memang ada di negara-negara yang lain termasuk syarikat induk. Adakah peruntukan ini boleh digunakan di negara-negara yang lain? Nampaknya boleh digunakan hanya untuk negara ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan sama ada kita mempunyai kawalan ke atas skim saham pekerja ini kerana memang kalau maksudnya semata-mata untuk pekerja, kita bersetuju. Tetapi adakah peraturan ataupun kaedah untuk mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan oleh syarikat-syarikat transnational ini kerana terlalu raksasa, terlalu besar, memang mereka boleh buat apa sahaja, terulamanya mengabui mata negara kita kerana syarikat ini memang gergasi, mempunyai cara-cara dan kaedah-kaedah yang banyak yang tidak dapat kita kesan. Misalnya, dia boleh keluarkan skim saham dan disebutkan di situ, ini hanya untuk pekerja-pekerja sahaja walhal skim ini boleh terbuka kepada orang lain. Saya berharap kita mempunyai cukup kaedah untuk mengawalseliakan semua ini supaya tidak akan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat sebutkan peratusan - biasanya di dalam skim saham, misalnya yang diminta oleh Motorola, yang diminta oleh Welcome Foundation, peratusan yang dibenarkan kepada pekerja-pekerja tempatan untuk memiliki saham di dalam syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, memang saya setuju kalau kita menekankan pengeluaran prospektus untuk skim saham. Memang ini memakan masa dan juga belanja yang tinggi. Kalau tidak di dalam syarikat ini boleh dikecualikan dan memang akan memudahkan dilaksanakan skim saham tersebut. Walau bagaimanapun, pada pengalaman saya, memang pekerja-pekerja kadangkala tidak membaca prospektus pula dan kalau skim ini boleh berjalan dengan betul dan Rang Undang-undang ini boleh merangkumi kaedah, peraturan dan peruntukan yang cukup untuk memelihara kepentingan semua pihak,

terutamanya pekerja, memang kita setuju dengan pindaan yang tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bayan Baru.

5.52 *ptg.*

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengalu-alukan pindaan Rang Undang-undang ini untuk mewujudkan skim saham bagi pekerja di dalam anak-anak syarikat asing. Saya juga ingin tahu setakat ini, dalam anak-anak syarikat asing ini, berapakah peratusan saham-saham yang telahpun dimiliki ataupun telah ditawarkan kepada pekerja-pekerja golongan eksekutif di dalam anak-anak syarikat ini. Mungkin pekerja-pekerja dalam golongan pengurusan yang bawah dan pekerja-pekerja biasa mungkin tidak ditawarkan untuk memiliki sebarang saham dalam syarikat-syarikat asing ini ataupun anak-anak syarikat asing. Contohnya, di kilang asing iaitu INTELL di Pulau Pinang, memang pekerja-pekerja tempatan golongan eksekutif diberi peluang untuk membeli saham-saham di dalam syarikat yang seumpama itu dan saya percaya syarikat besar yang lain pun ada menawarkan saham-saham yang demikian.

Selain daripada itu saya ingin bertanya, selain daripada pekerja-pekerja yang akan dibenarkan atau akan digalakkan membeli saham dalam syarikat ini, boleh atau tidak koperasi-koperasi yang dimiliki oleh pekerja-pekerja dalam syarikat-syarikat ini iaitu syarikat-syarikat asing boleh juga membeli saham-saham yang ditawarkan oleh anak-anak syarikat asing ini. Selain daripada itu, bagaimanakah cara untuk memudahkan pekerja-pekerja, terutamanya mereka yang bergaji rendah untuk membeli saham-saham ini pada kadar yang lebih munasabah, bukan hanya sekadar untuk

membeli saham, tetapi ia tidak memberi pulangan yang adil kepada pekerja-pekerja yang terlibat dan saya berharap dengan adanya skim saham pekerja, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kpong tadi, maka pekerja-pekerja akan bekerja dengan lebih baik dari segi produktiviti dan sebagainya dan yang lebih penting daripada itu ia akan cuba untuk memberi peluang kepada seseorang pekerja itu bekerja dengan syarikat buat satu jangkamasa yang panjang.

Bukan sepertimana yang terdapat sekarang di mana kebanyakan pekerja-pekerja di syarikat asing ini adalah terdiri daripada golongan pekerja wanita dan mereka bekerja seolah-olah sebagai pekerja sementara, bekerja satu atau dua tahun kemudian mereka meninggalkan syarikat dan digantikan dengan pekerja-pekerja yang lain. Saya berharap dengan adanya skim saham pekerja ini, maka kita akan melihat bahawa pekerja-pekerja yang masuk bekerja di dalam mana-mana syarikat asing, mereka akan menggunakan carrier ataupun kerjaya mereka sebagai satu kerjaya jangka panjang.

Seharian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

5.56 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Kementerian kerana membuat satu inisiatif yang baik dan sudah tepat pada masanya pindaan undang-undang ini dibuat. Bukan sahaja untuk meningkatkan produktiviti syarikat yang berkenaan, tetapi juga boleh memberi manfaat kepada pekerja-pekerja yang mungkin tidak mendapat pembelaan yang sebetulnya.

Jadi, di sini dengan adanya saham yang boleh dijual kepada pihak pekerja, dapatlah pekerja-pekerja dalam syarikat-syarikat yang tertentu mendapat manfaat bersama dengan pihak syarikat yang telah menjual saham kepada mereka. Tetapi, bagaimana yang kita tahu, syarikat yang bakal menjual saham atau syarikat yang menjual saham kepada pekerja-pekerja adalah satu cara untuk mendapatkan kapital ataupun punca kewangan dan punca kewangan daripada pekerja nanti mungkin didapati daripada pinjaman ataupun wang simpanan mereka. Jadi, soalan yang pertama, apakah jaminan yang syarikat ini tidak mempermainkan pihak pekerja-pekerja yang tertentu.

Di sini memang tepat pada masanya supaya pihak Kesatuan Sekerja memilik, jangan sahaja membuat satu bantahan kepada pihak majikan tetapi juga memilik dari segi kebajikan pekerja-pekerja, melihat prospektus, kalau ada, melihat keuntungan dan kerugian dan memberi galakan ataupun nasihat kepada pihak pekerja-pekerja sebelum membuat pelaburan. Kepada pihak Kementerian, saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian berserta dengan pindaan ini menubuhkan satu monitoring body, dengan izin, supaya dapat memberi nasihat yang sepatutnya kepada pekerja-pekerja yang terlibat, yang mana dapat menerima tawaran-tawaran yang diberi oleh syarikat-syarikat yang tertentu untuk membeli saham.

Jangan pula duit pekerja untuk syarikat yang tertentu meningkatkan punca kewangan mereka, tetapi sebaliknya pula pekerja tidak mendapat manfaat yang diharapkan. Jadi, janganlah pekerja itu nanti sudah terjatuh ditimpa tangga. Tujuannya memang baik sekali dan memang tepat pada masanya untuk memberi kebaikan, manfaat dan kebajikan kepada pekerja-pekerja di dalam syarikat itu. Jadi, dengan itu, saya

menyokong pindaan ini dan saya mengucapkan syabas kepada pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

5.59 *ptg.*

Dr Sak Cheng Lum: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan dan pada dasarnya memang telah menyokong pindaan kepada Akta Syarikat ini. Seperti yang saya telah nyatakan tadi, pada hakikatnya ia memberi faedah kepada pekerja-pekerja pada keseluruhannya.

Saya percaya dalam ucapan saya, semasa membentangkan pindaan ini pun telah saya menjelaskan dengan terang tujuan dan maksud pindaan itu, cuma ada satu dua yang saya percaya merupakan sebagai sesuatu yang membimbangkan, yang dibangkitkan dan saya ingin cuba untuk menjawab dengan ringkas. Pada masa sekarang peruntukan Seksyen 37(2)(c) yang ada sekarang sudahpun memberi kemudahan iaitu memperkenalkan skim saham kepada pekerja tanpa prospektus oleh syarikat-syarikat tempatan. Jadi, tujuan pindaan yang dicadangkan ini adalah untuk memperluaskan kemudahan ini kepada syarikat-syarikat asing juga.

Walaupun prospektus tidak diperlukan akan tetapi sesuatu skim yang akan ditawarkan oleh sesuatu syarikat kepada pekerja-pekerjanya harus juga mendapat kelulusan cadangan dan skim itu harus mendapat kelulusan dari beberapa pihak termasuk Pendaftar Syarikat. Misalnya kedudukan pelaksanaan skim saham pekerja ialah bagi syarikat awam tempatan, sesebuah syarikat awam tempatan boleh melaksanakan skim saham

pekerja setelah mendapat kelulusan awal:

- (i) dari Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC);
- (ii) mendapatkan kelulusan dari Pendaftar Syarikat di bawah syarat-syarat yang saya nyatakan tadi iaitu di bawah seksyen 37(2)(c) Akta Syarikat.

Di sini nyatalah bahawa skim-skim yang akan ditawarkan memang disemak oleh agensi yang berkenaan dan juga oleh Pendaftar Syarikat dan ini akan memastikan bahawa skimnya akan sebenar-benarnya akan membawa faedah kepada para pekerja.

Berkenaan peratusan saham yang telah ditawarkan oleh syarikat-syarikat asing kepada pekerja-pekerjanya, pada masa sekarang kita tidak boleh mengetahui peratusannya oleh kerana sebelum pindaan yang dicadangkan di sini, skim opsyen saham yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat asing tidak dapat dipertimbangkan, oleh kerana itu kita tidak tahu peratusan saham-saham yang akan ditawarkan oleh syarikat-syarikat asing ini.

Jadi, tawaran skim saham pekerja diberikan kepada mana-mana golongan pekerja mahupun pekerja atasan, eksekutif ataupun pekerja bergaji rendah, saya percaya ini adalah satu perkara yang terpulang balik kepada syarikat-syarikat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah sahaja yang dapat saya jawab dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang diberikan kepada Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2—

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, seksyen yang disebutkan itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan 'company' di perenggan (c) sub-seksyen 2 dengan perkataan 'corporation'. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan mengenai perbezaan takrif company dan corporation untuk maksud Rang Undang-undang ini. Adakah penakrifan ini - saya tidak ada akta ibu, cuma pindaan ini sahaja, mungkin ada, sebab tiap-tiap Rang Undang-undang sepertimana yang bakal dibentangkan Akta Profesion Undang-undang pun ada takrifnya. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat itu menjelaskan perbezaan takrif di antara company dan corporation dan mengapa dengan adanya pertukaran ini skim saham pekerja itu dapat dijalankan dengan lancar?

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong memang betul bahawa takrif adalah diadakan dalam Akta Syarikat dan dengan pindaan ini atau pertukaran perkataan company kepada corporation, memang jelaslah apa yang telah dinyatakan dalam cadangan itu ialah dengan pertukaran ini, maka seksyen ini akan memberi pengecualian atau kemudahan bukan sahaja kepada syarikat-syarikat tempatan tetapi akan termasuk syarikat-syarikat asing.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.70 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Seksyen 3, 15, 67, 68, 70, 70A, 71, 88A, 93 hingga 103, 108, 109, 110 dan 111 Akta Profesion Undang-undang 1976 dan juga untuk mengadakan satu seksyen baru iaitu Seksyen 78A.

Tuan Yang di-Pertua, profesion undang-undang pada masa ini sedang menghadapi krisis keyakinan dan imejnya sebagai satu profesion yang dihormati terjejas kerana kes-kes salah laku dan pecah amanah di kalangan peguam. Orang awam dan pihak client tidak puas hati terhadap perkhidmatan dan pengendalian kes kerana mengambil masa terlalu panjang dan aduan orang awam terhadap peguam tidak diambil tindakan segera. Di masa yang sama kes-kes disiplin terhadap peguam dikatakan tidak diberi perhatian yang khusus dan serius oleh Majlis Peguam dan Jawatankuasa-jawatankuasa Bar di peringkat negeri. Malahan anggapan orang awam ialah

apabila mereka teraniaya kerana tindakan peguam selalunya mereka gagal mendapat ganti rugi dan terpaksa menghadapi kerugian,

Walaupun Akta Profesion Undang-undang yang ada sekarang mempunyai peruntukan khusus mengenai pengendalian dan prosedur kes-kes disiplin, tetapi ia tidak berkesan. Justeru itu lahirlah perasaan hampa dari pihak client. Orang awam beranggapan bahawa Majlis Peguam tidak berjaya menyelesaikan kes disiplin terhadap peguam kerana mereka tidak berminat hendak berbuat demikian. Di sebaliknya Majlis Peguam pula berpendapat peruntukan yang sedia ada terlalu longgar dan tidak berkesan untuk menyelesaikan masalah ini. Majlis Peguam sendiri mengakui bahawa disiplin di kalangan peguam sudah menjadi satu masalah yang perlu diatasi.

Dengan kepekaan Kerajaan terhadap kepentingan rakyat, maka Kerajaan memikirkan sudah tiba masanya untuk disemak semula beberapa peruntukan Akta Profesion Undang-undang 1976 selaras dengan keperluan dan kehendak semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya semua badan profesional ingin melihat profesionnya tidak tercemar nama baiknya. Cara yang paling berkesan sekali ialah dengan menumpukan pemerhatian dalam aspek mengawal dan mengawas tindakan dan amalan profesion tersebut dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya selaras dengan undang-undang negara. Ini akan dapat melahirkan keyakinan terhadap profesion tersebut bukan sahaja di kalangan ahli-ahli tetapi juga orang awam yang berhubung dengan profesion itu. Justeru itu, pindaan yang dicadangkan memberi penekanan tentang soal disiplin para peguam. Adalah dicadangkan struktur dan pengurusan badan tatatertib dikemaskinikan. Kerajaan percaya,

prosedur baru ini akan membolehkan kes tatatertib berjalan dengan lebih teratur, cepat dan efisien.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini orang sering memperkatakan tentang hak. Oleh hal yang demikian, dalam bidang profesional pun pihak yang kita wakili juga mempunyai hak. Bagi menjamin client tidak terdedah kepada kerugian akibat dari kesalahan berhubung dengan tanggungjawab profesional peguam dan supaya client berasa terselamat, Kerajaan berpendapat sudah tiba masanya untuk mewajibkan insurans indemniti profesional kepada semua pengamal undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat yang perlu kita terima dalam undang-undang dan fakta ialah negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah dua wilayah yang berasingan. Menyedari realiti tersebut dan terwujudnya Mahkamah Tinggi di Shah Alam, Selangor dan Kuala Lumpur membolehkan kita untuk memisahkan Bar Selangor dan Bar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, beberapa peruntukan lain juga akan dipinda. Saya mohon untuk menjelaskan dengan lebih terperinci lagi seksyen-seksyen yang akan dipinda. Rang Undang-undang ini mempunyai pindaan ke atas Seksyen 3, 15, 67, 68, 70, 70A, 71, 88A, 93 hingga 103, 108 sehingga 111 dan juga peruntukan baru Seksyen 78A.

Di bawah Akta yang sedia ada peguam tidak diwajibkan untuk mengambil polisi insurans indemniti untuk kerugian yang dialami akibat daripada apa-apa kelas liabiliti profesional peguam yang mengendalikan kes-kes mereka. Orang awam berasa terdedah, teraniaya dalam kes-kes sebegini rupa. Mengikut maklumat yang diberikan oleh Majlis Peguam,

pada masa ini 50% dari peguam-peguam tidak mengambil insurans indemniti profesional. Bilangan sebenar tidak disertakan.

Justeru itu satu pindaan perlu dibuat bagi mewajibkan semua peguam untuk terlibat dengan satu skim insurans indemniti profesional. Justeru itu satu seksyen baru, Seksyen 78A diperkenalkan. Dalam seksyen ini kuasa diberikan kepada Majlis Peguam dengan kelulusan Peguam Negara untuk membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan skim insurans indemniti profesional terhadap apa-apa kes liabiliti profesional.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama skim tersebut adalah untuk memberi perlindungan kepada orang awam di mana mereka boleh membuat tuntutan terhadap kerugian yang dialami akibat daripada apa-apa kelas liabiliti profesional peguam-peguam yang mengendalikan kes-kes mereka. Keduanya, ia juga akan dapat melindungi peguam-peguam yang mengamal undang-undang terhadap liabiliti mereka selain daripada melindungi pihak tetuan guaman itu sendiri dari apa-apa tuntutan pihak client akibat liabiliti mana-mana peguamnya.

Bagi menentukan yang peruntukan mandatori ini dipatuhi dengan lebih berkesan, di antara lainnya, skim ini memperuntukkan supaya setiap peguam mengambil insurans yang memberi perlindungan mencukupi bagi setiap peguam yang mengamalkan undang-undang sebelum ia mendapat sijil tahunan.

Seksyen baru 78A yang dicadangkan ini, apabila diluluskan kelak akan memberikan kuasa kepada Majlis Peguam untuk melaksanakan skim insurans indemniti bagi kepentingan orang awam serta juga profesion undang-undang sendiri terpelihara. Kerajaan berharap dengan adanya

skim ini pandangan dan keyakinan orang ramai terhadap pengamal undang-undang akan dapat dipulihkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 93 hingga 103 bertujuan bagi menggantikan peruntukan-peruntukan yang sedia ada mengenai prosedur tindakan tatatertib terhadap peguambela dan peguamcara. Mengikut prosedur yang diamalkan sekarang, Majlis Peguam mempunyai kawalan ke atas semua perkara berkaitan dengan tindakan tatatertib terhadap seseorang peguambela dan peguamcara. Apa-apa aduan mengenai kelakuan seseorang peguambela dan peguamcara hendaklah dibuat kepada Majlis Peguam. Majlis Peguam kemudiannya merujuk aduan ini kepada Jawatankuasa Bar Negeri yang akan menyiasat aduan itu. Dan selepas itu pula melaporkan pendapatnya kepada Majlis Peguam sama ada aduan itu patut dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib atau tidak untuk siasatan normal. Jika Jawatankuasa Bar Negeri tidak mengemukakan laporannya dalam masa 3 bulan, Majlis Peguam boleh, atas usulnya sendiri merujuk aduan itu kepada Jawatankuasa Siasatan.

Jawatankuasa Siasatan hendaklah menyiasat aduan itu dan hendaklah dalam masa 3 bulan memberi kepada Majlis Peguam laporannya bersama-sama dengan syor-syornya. Dalam masa 6 bulan setelah menerima laporan daripada Jawatankuasa Bar Negeri atau Jawatankuasa Siasatan, mengikut mana-mana yang berkenaan, Majlis Peguam hendaklah memutuskan sama ada satu siasatan formal perlu diadakan.

Jika suatu siasatan formal perlu diadakan, Majlis Peguam hendaklah memohon kepada Hakim Besar Mahkamah Tinggi supaya dilantik satu Jawatankuasa Tatatertib untuk menjalankan siasatan itu. Jawatankuasa Tatatertib kemudiannya hendaklah

mengadakan satu siasatan formal ke atas aduan dan membuat keputusan mengenai syor-syornya yang tertentu berkaitan dengan tindakan terhadap peguambela dan peguamcara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Peguatu Negara dimaklumkan bahawa Majlis Peguam menerima kira-kira 300 aduan setahun. Kerajaan menerima banyak aduan orang awam bahawa kes disiplin terhadap peguam yang mengamal undang-undang mengambil masa terlalu panjang dan tidak berpuas hati dengan layanan yang dianggap tidak cekap dan praktikal. Mereka sering mengambil sikap dan berpendapat Majlis Peguam tidak berminat untuk mengambil tindakan terhadap ahlinya sendiri. Setelah mengkaji dari aspek keahliannya, orang awam dan imej profesion undang-undang adalah difikirkan perlu membuat peraturan baru terhadap prosedur tatatertib. Bar Malaysia sendiri mengakui prosedur tatatertib yang sedia ada mengambil masa yang panjang dan menyebabkan kelcwatan melibatkan banyak dokumen dan kertas kerja dan tidak praktikal. Berbagai-bagai had masa yang diperuntukkan di dalam Akta juga sukar dipatuhi. Untuk memudahkan keseluruhan prosedur tatatertib, Seksyen 93 hingga 103 yang sedia ada perlu digantikan dengan Seksyen baru 93 hingga 103G.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menghuraikan peruntukan-peruntukan seksyen baru 93 hingga 103(g) Rang Undang-undang ini satu persatu kerana huraiannya telahpun terkandung bersama-sarna Rang Undang-undang ini. Bagaimanapun, izinkan saya secara ringkas menerangkan peruntukan-peruntukan baru mengenai prosedur tatatertib yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Mengikut prosedur tatatertib yang baru, suatu Lembaga Tatatertib hendaklah ditubuhkan yang akan mempunyai kawalan ke atas semua perkara berkaitan dengan tatatertib peguambela dan peguamcara. Lembaga itu akan dibantu oleh Pengarah Urusetia Aduan. Lembaga itu juga diberi kuasa untuk membuat kaedah-kaedah untuk mengawalselia prosedur tatatertib. Semua aduan berkenaan dengan kelakuan peguambela dan peguamcara atau pelatih hendaklah dirujuk kepada Lembaga Tatatertib. Apabila sesuatu aduan diterima, Lembaga Tatatertib hendaklah menubuhkan satu Tribunal Penyiasatan terdiri daripada anggota-anggota panel Tribunal Penyiasatan untuk menyiasat aduan itu. Tribunal Penyiasatan hendaklah dalam masa dua minggu dari tarikh perlantikannya menyiasat aduan dan melaporkan pendapatnya kepada Lembaga Tatatertib dengan seberapa segera yang boleh. Tetapi dalam mana-mana kes mestilah tidak lewat daripada dua bulan selepas bermulanya penyiasatan-penyiasatan itu. Jika suatu penyiasatan formal diperlukan, satu Jawatankuasa Tatatertib terdiri daripada anggota-anggota panel Jawatankuasa Tatatertib hendaklah dilantik untuk menyiasat dan mendengar aduan itu dan seterusnya membuat syor-syor kepada Lembaga Tatatertib. Lembaga Tatatertib hendaklah membuat perintah yang sesuai setelah menimbang syor-syor Jawatankuasa Tatatertib.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut prosedur tatatertib yang baru semua perkara yang berhubungan dengan prosiding tatatertib yang di bawah bidangkuasa Majlis Peguam akan dipindahkan kepada suatu badan yang dinamakan Lembaga Tatatertib. Lembaga Tatatertib hendaklah dipengerusikan oleh seorang yang dilantik oleh Hakim Besar.

Peruntukan-peruntukan juga dibuat di dalam akta bagi membolehkan orang biasa selain daripada peguambela dan peguamcara mengambil bahagian di dalam perkara-perkara berkaitan dengan prosiding tatatertib. Kuasa untuk menyiasat sesuatu aduan tidak lagi terletak Jawatankuasa Bar Negeri tetapi akan menjadi tanggungjawab Tribunal Penyasatan yang akan ditubuhkan. Ini akan memastikan lebih kesaksamaan dalam keseluruhan proses penyiasatan.

Pindaan-pindaan berbangkit juga perlu dibuat kepada seksyen 3 (88)(a), 108, 109, 110 dan 111 oleh sebab peruntukan-peruntukan baru mengenai prosedur tatatertib.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 15 dan 70 dipinda untuk memberi kesan statutory kepada apa yang sedang diamalkan oleh profesion undang-undang. Pindaan-pindaan kepada seksyen 67 dan 70(a) adalah untuk membenarkan pembubaran Mesyuarat Agung Bar Malaysia dan Bar Negeri masing-masing sekiranya tidak cukup kuorum. Tindakan ini adalah praktikal oleh kerana di bawah peruntukan-peruntukan yang sedia ada, mesyuarat itu terpaksa ditangguh ke minggu yang berikutan dan dari segi amalan adalah didapati sukar untuk mendapatkan kuorum bagi Mesyuarat Agung yang berikutnya.

Seksyen 68 telah dipinda bagi membenarkan pemisahan Bar Selangor dan Bar Wilayah Persekutuan kepada Bar Kuala Lumpur dan Bar Negeri Selangor. Negeri Selangor sekarang ini telahpun mempunyai Mahkamah Tingginya sendiri di Shah Alam dan dengan itu Bar Selangor berhasrat untuk berpisah daripada Bar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pada keseluruhannya pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah selaras dengan usaha untuk mem-

perbaiki prosedur dan mengemas-kinikan Akta Profesion Undang-undang yang mana adalah sangat sesuai dan baik belaka. Saya harap Rang Undang-undang ini akan mendapat sokongan daripada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor); Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

6.25 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, nampaknya peguam-peguam di dalam Dewan yang mulia ini kecuai Yang Berhormat Menteri Kehakiman dan juga Tuan Yang di-Pertua tidak begitu berminat di dalam satu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976. Hanya doktor yang berminat. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, sejak Perang Dunia Kedua memang profesion undang-undang, lawyer, peguam, peguamcara, peguambela sangat dihormati. Sepertimana terdapat dengan doktor-doktor juga dihormati dan disanjung tinggi. Semasa Tuan Yang di-Pertua menjadi peguam, saya percaya, dihormati dan disanjung dengan setinggi-tinggi sehingga menjadi Hakim Mahkamah Tinggi. Tetapi pada masa sekarang nampaknya penghormatan dan sanjungan oleh masyarakat dan orang-orang awam ada berkurangan sehingga perlunya bagi Yang Berhormat Menteri Kehakiman membentangkan Rang Undang-undang ini terutamanya mengenai Lembaga

Tatatertib untuk mencegah daripada berlakunya kes-kes pecah amanah dan kes-kes kelakuan yang tidak begitu diingini terhadap clientnya.

Tuan Yang di-Pertua, apakah sebabnya kekurangan penghormatan orang awam dan juga anggapan ahli-ahli peguam sendiri mengenai profesionnya. Mungkin kerana kita sekarang ada tujuh universiti yang mengeluarkan graduan-graduan sendiri dan dengan bertambahnya bilangan peguam sehingga lebih 3,000 sekarang di seluruh negara. Mungkin kerana bilangan yang meningkat, terlalu banyak, maka penghormatan pun kurang. Walau bagaimanapun, hanya peguam sendirilah yang tahu. Tetapi daripada Larut pun tidak berminat sekarang. Ini menunjukkan....

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun sekarang.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya minta penjelasan. Inilah bezanya seorang doktor kulit dengan peguam bercakap. Dia sepatutnya, saya memohon memberi penjelasan, sama ada menghentam semua peguam ataupun setengah-setengah kerana masih ramai lagi peguam yang baik-baik.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tidak, peguam yang di atas itu saya menghormati.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya ianya menggunakan exemption clause, kalau

tidak cakup di luar, saman-mati Kepong. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, gelagat seperti itulah yang mungkin meruntuhkan maruah profesion peguamnya. (*Ketawa*)

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak faham sebab dia seorang doktor, saya seorang peguam. Saya minta Ahli dari Kepong bila bercakap menggunakan perkataan "setengah-setengah" peguam, jangan kata semua. Yang ini yang hendak marah.

Dr Tan Seng Giaw: Saya boleh memperbaiki keadaan sedikit. Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun di sana pula. (*Ketawa*)

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta jalan. Saya juga seorang peguambela dan peguamcara, kalau katakan semua, saya minta tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua; Nanti sekejap.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sabarlah sedikit peguam! Peguam pun perlu sabar. (*Ketawa*) Peguam perlu sabar kalau tidak sabar jadi kelakuan im kurang manis sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Yang saya maksudkan itu, Tuan Yang di-Pertua, segelintir, bukan setengah-setengah - segelintir kerana semua yang ada di sini saya hormati. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Dr Tan Seng Giaw:terutamanya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Dan untuk makluman Yang Berhormat saya bukan peguam lagi. (*Ketawa*)

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.